

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 137 ● 15 - 21 OKTOBER 2021 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WK TV

Atasi kesesakan lalu lintas

Shared Space



SHAHIDAN beramah mesra dengan salah seorang peniaga di Jalan Raja Muda Musa, Kampung Baru semasa Program Turun Padang (TUPA) di kawasan berkenaan.

BAGI mengatasi masalah kesesakan lalu lintas dan merancakkan semula Jalan Raja Muda Musa, Kampung Baru Kuala Lumpur, Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membangunkan sebuah Projek Perkongsian Ruang (Shared Space). Projek yang dijangka siap

selewatnya awal 2023 itu dilihat akan mengembalikan kehangatan 'syurga makanan' sekali gus memberi keselesaan kepada pengunjung.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berkata, projek tersebut akan menjadi pemangkin pertumbuhan produk pelancongan di Kampung Baru selain dapat menyelesaikan

masalah kesesakan lalu lintas, peniaga atau penjaja, kebersihan dan keindahan Jalan Raja Muda Musa.

Berkata lanjut, beliau memberitahu, proses tendernya akan dilaksanakan bulan ini manakala projek di tapak dijangka bermula awal tahun depan.

BERITA LANJUT DI MUKA 3



"Hello, assalamualaikum
Datuk Seri..." >> 7



SIP beri sinar baharu >> 9, 10 & 11



JALALUDDIN menyertai Mesyuarat Ke-24 Peringkat Menteri-Menteri BIMP-EAGA secara maya bersama beberapa menteri berkaitan dari Brunei, Indonesia dan Filipina.



Penduduk Resah hujan
di Kuala Lumpur >> 18

Ada yang sengaja hubungi tanpa sebab

Deruan panggilan diterima di Parlimen

HAZIRAH HALIM

SELEPAS menerima ribuan panggilan telefon tanpa henti daripada orang awam, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim meminta orang ramai menghantar sistem pesanan ringkas (SMS) kepadanya jika hendak membuat sebarang aduan mengenai kerosakan jalan di sekitar Kuala Lumpur.

Beliau berkata demikian susulan tidak sempat melayani setiap panggilan yang diterima akibat kekangan masa dan tugas yang perlu diselesaikan sehingga terpaksa menyerahkan telefon itu kepada pembantunya.

"Saya meminta orang awam menghantar aduan menerusi pesanan khidmat ringkas (SMS) bagi mempercepatkan bantuan disalurkan."

"Selepas saya berkongsi nombor itu, saya telah mendapat lebih 1,000 panggilan telefon sehari sehingga telefon saya 'jammed' (tidak dapat berfungsi), ada juga yang sengaja hubungi tanpa sebab.



SHAHIDAN ketika sidang media Hari Sukan Negara 2021 di Atrium Kementerian Wilayah Persekutuan, Putrajaya Sabtu lalu.

"Saya terpaksa menyerahkan telefon ini kepada pembantu saya untuk menjawab dan melayani setiap panggilan daripada orang awam," katanya kepada pemberita ketika Program Hari Sukan Negara (HSN) 2021 peringkat Wilayah

Persekutuan, pada Sabtu.

Bukan itu sahaja, beliau juga tidak menyangka akan menerima banyak aduan berkenaan perkara lain daripada hal-hal berkaitan kerrosakan jalan raya di Kuala Lumpur.

"Selain daripada aduan kero-

sakan jalan, saya juga mendapat banyak panggilan yang meminta bantuan kewangan, bantuan rumah Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) bahkan ada yang minta tukar lif rumah mereka," ujarnya.

Menurut Shahidan, beliau juga pernah menerima panggilan ketika sedang bersidang di parlimen dan meminta maaf kepada pihak yang menghubungi kerana tidak dapat menjawab dengan segera.

"Saya minta maaf kerana tidak dapat menjawab panggilan telefon serta merta tetapi kalau ada yang menghantar pesanan mesej, Insya-Allah saya akan jawab serta merta.

"Kami akan berusaha sebaik mungkin dan memastikan setiap panggilan yang diterima dijawab kerana ia sudah menjadi kewajipan pemimpin untuk mendengar, melayani dan membantu rakyat," katanya.

Dalam pada itu, Shahidan memberitahu pihaknya sedang dalam usaha menangani setiap aduan berhubung jalan berlubang termasuk hal-hal lain yang diterima

olehnya.

Pada 7 Oktober lalu (Khamis), Datuk Seri Dr Shahidan Kassim telah mendedahkan nombor telefon peribadi ketika sesi penggulungan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) di Dewan Rakyat.

Beliau berbuat demikian supaya semua pihak dapat terus menghubunginya sekiranya mendapati sebarang kerosakan jalan dan meminta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membuat pemantauan.

Malah, Shahidan turut mendedahkan nombor telefon peribadi Timbalannya, Datuk Seri Jalaluddin Alias dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah.

"Sekiranya anda ada sebarang aduan yang ingin dikemukakan kepada Menteri Wilayah Persekutuan bersama pegawai kerajaannya, anda boleh menghubungi talian ini 019-454 5111 (Datuk Seri Dr Shahidan Kassim), 019-652 4444 (Datuk Seri Jalaluddin Alias) atau Datuk Seri Mahadi Che Ngah 016-206 8888. **WK**

KWP naik taraf kawasan penjaja food truck

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) menerusi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan membantu penjaja dan pengusaha food truck dengan meningkatkan taraf tapak perniagaan mereka.

Timbalan Menterinya, **Datuk Seri Jalaluddin Alias** berkata, langkah itu akan dapat membantu meningkatkan pendapatan pengusaha food truck yang sebelum ini terjejas sekali gus dapat menarik kedatangan orang ramai ke kawasan tersebut.

"Salah satu daripada pendekatan yang akan dilakukan adalah menaik taraf kawasan tersebut dengan menambah pencahayaan bagi menceriakan kawasan ini dan membolehkan orang ramai datang ke Kuala Lumpur dan mengunjungi kawasan ini."

"Ia bertepatan dengan keadaan dan situasi semasa apabila rentas negeri telah dibenarkan dan kita mengambil peluang ini untuk menggalu-alukan kehadiran pengunjung luar dari Kuala Lumpur sekali gus dapat membantu golongan peniaga untuk melipatgandakan lagi jualan dan memulihkan ekonomi mereka," katanya kepada pemberita selepas melakukan tinjauan di Tapak Urban Street Dining di Jalan Ampang pada Ahad.

Jalaluddin berkata, kerajaan akan sentiasa membantu dan melihat kepada keperluan peniaga ini, namun mereka perlu terlebih dahulu menyempurnakan dua dos vaksin sebelum memulakan perniagaan.

"Perkara ini (vaksin) kerajaan tidak akan berkompromi. Pengunjung yang mengunjungi pusat atau premis penjaja seperti di kawasan ini juga mestilah telah se-



JALALUDDIN (kanan) membantu menyediakan makanan milik seorang peniaga food truck. Foto Fairus Mustaffa

lesai menerima vaksin dua dos bagi membolehkan keselamatan semua pengunjung terjamin," katanya.

Jalaluddin memberitahu, pihaknya akan mengenal pasti penjaja dan peniaga dari dalam kalangan B40 akan diberi bantuan dalam bentuk bantuan bernilai RM5,000 untuk memulakan perniagaan mereka semula.

"Saya sudah sebut di dalam Dewan Rakyat, bahawa peniaga-peniaga yang telah dikenalpasti golongan B40 yang benar-benar terkesan dan mahu memulakan semula perniagaan yang terpaksa ditutup sebelum ini, maka kementerian akan membantu dalam bentuk

barang."

"Selain daripada itu, jabatan yang berkaitan juga telah diarah

untuk mengenal pasti peniaga-peniaga ini, mana-mana peniaga yang merasakan mereka perlu dibantu dan memerlukan bantuan ini boleh menghubungi pihak kementerian atau DBKL bagi menilai kelayakan dan sebagainya untuk membolehkan bantuan ini disalurkan," katanya.

Jelasnya lagi, pihaknya belum menentukan had peniaga yang akan dibantu dan ia bergantung kepada jumlah peniaga yang terlibat serta terjejas sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Ramai dalam kalangan peniaga ini juga telah pun menukar entiti perniagaan mereka daripada penjaja atau peniaga kecil beralih kepada perniagaan yang lain dan mereka ini juga akan dikenal pasti," ujarnya. **WK**

Koridor ekonomi BIMP-EAGA tingkat potensi Labuan

PENYERTAAN Wilayah Persekutuan Labuan di dalam Koridor Ekonomi Brunei-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA) dapat membantu meningkatkan potensi pembangunannya dengan lebih pesat berbanding wilayah lain.

Ini kerana, kata Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Jalaluddin Alias**, kerjasama baik dalam kalangan negara anggota berkenaan dilihat mampu menjadikan kawasan ekonomi Labuan dibangunkan dengan pesat.

"Insya-Allah, dengan kerjasama baik antara negara terlibat, ia mampu jadi titik tolak kepada pembangunan ASEAN dan wilayah terbabit khasnya Labuan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Mesyuarat Ke-24 Peringkat Menteri-Menteri BIMP-EAGA secara maya. Delegasi Malaysia diketuai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Malaysia juga diwakili Tan Sri Pandikar Amin Mulia yang merupakan Utusan Khas BIMP-EAGA Sabah dan juga Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan.

Mesyuarat secara maya itu turut dihadiri menteri-menteri yang berkenaan dari empat negara anggota iaitu Brunei, Indonesia, Malaysia dan juga Filipina.

Mengulas lanjut, Jalaluddin berkata, Labuan yang juga Wilayah Persekutuan dapat menerima banyak manfaat selain statusnya sebagai pusat kewangan pesisir serantau.

"Alhamdulillah, banyak perkara dibincangkan berkaitan pelancongan dan pelaburan terutama dalam keadaan banyak negara dalam fasa pemulihan pasca wabak COVID-19," katanya.

BIMP-EAGA ini merupakan suatu inisiatif kerjasama yang ditubuhkan pada 24 Mac 1994 untuk memacu pembangunan di kawasan-kawasan di empat negara Asia Tenggara yang mengambil bahagian di kawasan timur blok Asia Tenggara yang meliputi Sabah, Sarawak dan Labuan di Malaysia; wilayah Kalimantan, Sulawesi, Papua Barat dan Papua di Indonesia, Mindanao dan Palawan di Filipina serta keseluruhan Brunei.



KWP terus usaha sediakan perumahan untuk warga Wilayah Persekutuan

Dua tapak PA dibangunkan semula

AZLAN ZAMBRY

LONJAKAN harga rumah terutama di dalam kawasan bandaraya Kuala Lumpur telah mendorong kerajaan untuk memperkasakan dasar Rumah Mampu Milik (RMM) yang dapat memenuhi keperluan warga kota terutama untuk golongan B40 dan M40 yang bekerja di kawasan bandar.

Dasar tersebut menjadi keutamaan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan ia menjadi penanda aras di bawah teraju **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** sebagai Menteri Wilayah Persekutuan yang dilihat giat mencari kaedah dan usaha bagi menyediakan merealisasikan dasar tersebut sama ada melalui pemilikan mahupun sewaan.

Keutamaan ini telah dizahirkan melalui dua ucapan penggulungan Perbahasan Titah Diraja Dewan Negara dan Perbahasan Rancangan Malaysia (RMK-12) yang dibuat Shahidan telah menyentuh dengan terperinci mengenai usaha yang telah dibuat dalam menyediakan perumahan kepada rakyat.

Beliau berkata, dengan mengambil kira bilangan Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) yang terhad di Wilayah Persekutuan, kementeriannya telah melaksanakan dua program (RMM) bagi

memberi peluang pemilikan rumah kepada golongan B40 dan M40.

Antara projek yang sedang dilaksanakan adalah Residensi Prihatin yang dijenamakan semula sebagai Residensi Keluarga Malaysia dengan harga jualan tidak melebihi RM200,000 seunit.

"Residensi ini berkeluasan minima 750 kaki persegi dengan tiga bilik tidur dan dua bilik air, khusus untuk golongan berpendapatan rendah B40.

"Sehingga September 2021 sebanyak 15 projek melibatkan 15,926 unit telah dirancang," katanya ketika sesi penggulungan di Dewan Negara pada Isnin.

INFO

- 15 projek melibatkan 15,926 unit dirancang
- 62,701 unit diluluskan
- 20,472 unit siap
- Harga jualan tidak lebih RM200,000 seunit
- Saiz minima 750 kaki persegi
- 3 bilik tidur
- Fokus kepada B40, M40

Shahidan berkata, Residensi Wilayah Keluarga Malaysia yang dahulunya dikenali sebagai Residensi Wilayah merupakan projek perumahan khusus untuk golongan M40 yang dijual tidak melebihi RM300,000 seunit berkeluasan minima 900 kaki persegi khusus dilengkapi dengan tiga bilik tidur dan dua bilik air.



PERUMAHAN Mikro merupakan rumah transit untuk sewaan bagi golongan belia yang baru memulakan kerja di Kuala Lumpur. - Gambar fail

"Dari 2014 sehingga 30 September 2021, sejumlah 62,701 unit telah diluluskan melibatkan 93 projek di Kuala Lumpur, tiga projek di Putrajaya dan empat projek di Labuan yang berada di pelbagai peringkat pembangunan.

"Daripada jumlah tersebut sebanyak 20,472 unit telah siap iaitu 19,360 unit di Kuala Lumpur dan 1,112 unit telah siap di Labuan," katanya.

Katanya lagi, KWP akan sentiasa berusaha memastikan perumahan mampu milik ini disediakan untuk warga Wilayah Persekutuan dan

maksimakan ruang agar dapat menempatkan jumlah penyewa.

"Setiap tingkat kediaman mengandungi beberapa ruang *shared space* setiap satunya mengandungi empat hingga enam katil dan setiap ruang katil individu mempunyai ruang tujuh meter persegi atau 75 kaki persegi

"DBKL telah menyediakan perumahan mikro ini di Jalan Tuanku Abdul Rahman semenjak Oktober 2019 dengan kira-kira 311 ruang katil individu kepada penyewa bujang dengan kadar sewa RM100 sebulan," katanya.

Tambahnya, bagi mendorong warga tempatan untuk bekerja di Pasar Borong Kuala Lumpur, DBKL turut menyediakan rumah kediaman untuk pekerja-pekerja tersebut dan sebanyak 224 ruang disediakan dengan sewa sebanyak RM150 sebulan.

Ujar Shahidan, selain dari penyediaan PPR dan PA di Kuala Lumpur, DBKL juga memperkenalkan *Council Home* yang berkeluasan sekitar 750 hingga 800 kaki persegi.

"Projek pertama *Council Home* ini sedang dilaksanakan di Kampung Sungai Udang Segambut dengan jumlah kira-kira 1,251 unit

"Inisiatif ini adalah untuk golongan B40 yang telah berkeluarga dan kadar sewa tidak melebihi RM850 sebulan," katanya. **WK**

PKB-DBKL bangunkan Shared Space di Jalan Raja Muda Musa

PERBADANAN Pembangunan Kampong Baru (PKB) dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan membangunkan sebuah Projek Perkongsian Ruang (*Shared Space*) di Jalan Raja Muda Musa, Kampung Baru di sini, pada awal tahun depan dan dijangka siap selewatnya awal tahun 2023.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata, projek tersebut akan menjadi pemangkin pertumbuhan produk pelancongan di Kampung Baru selain dapat menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas, peniaga atau penjaja, kebersihan dan keindahan Jalan Raja Muda Musa.

"Projek ini akan merancakkan lagi aktiviti syurga makanan di sepanjang laluan Jalan Raja Muda Musa dan Jalan Raja Alang.

"Proses tendernya akan dilaksanakan bulan ini manakala projek di tapak dijangka bermula awal tahun depan dan siap selewat-lewatnya awal tahun 2023," katanya dalam kenyataan sesi tinjauan Turun Padang ke lokasi Kios Usahawan Anak Muda Kota dan Kampung Baru pada Selasa.

Hadir sama, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah; Pengurus PKB, Datuk Affendi Zahari dan Ketua Pegawai



SHAHIDAN mendengar penerangan daripada Mahadi tentang kawasan sekitar di tapak Projek Perkongsian Ruang di Jalan Raja Muda Musa, Kampung Baru.

Eksekutif PKB, Datuk TPr Lokman Omar.

Dalam pada itu, Shahidan berkata, pihaknya menyasarkan untuk menyediakan kira-kira 1,000 kios dan ruang niaga di bawah Program Usahawan Anak Muda Kota di Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Sehingga kini, seramai 126 orang usahawan telah memulakan operasi perniagaan dan ia telah memberi peluang

kepada peniaga dan memperbaikkan kawasan perniagaan di lokasi tumpuan ramai di pusat bandar Kuala Lumpur dan Putrajaya dengan kadar sewa yang lebih murah.

"Pihak Kementerian juga memberi kemudahan dalam bentuk pemberian lesen perniagaan, pembiayaan perniagaan, pemasaran produk dan khidmat nasihat perniagaan serta latihan keusahawanan bagi menggalakkan



Pelan konsep cadangan laluan ruang perkongsian fasa 1 di Jalan Raja Muda Musa



LAKARAN menunjukkan keseluruhan Jalan Raja Muda Musa yang dijadikan sebagai lokasi Perkongsian Ruang.

penyertaan daripada golongan belia untuk menyertai program ini," katanya.

Menurut Shahidan, DBKL juga merancang untuk mengadakan Program Pemantoran Usahawan bagi semua usahawan anak muda kota yang terpilih termasuk di kalangan usahawan yang berniaga di tapak ini.

"Bagi bergerak ke hadapan, beberapa langkah perlu dikenal pasti untuk meningkatkan lagi ka-

dar pendigitalan perniagaan bagi memastikan usahawan anak muda kota dapat beroperasi dengan mampan," katanya.

Ujarnya lagi, pelaksanaan program yang teratur dan berkesan seumpama ini dijangka berupaya memberikan impak yang positif dalam usaha menangani masalah kemiskinan di kalangan Keluarga Malaysia yang terkesan dengan pandemik COVID-19 yang melanda negara sejak tahun 2020. **WK**

DBKL ganti penutup longkang hilang di Taman Sri Endah

SABRINA SABRE

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menggantikan penutup longkang yang hilang di Jalan Wan Sendari 3, Taman Sri Indah, Bandar Sri Petaling bagi menjamin keselamatan penduduk.


Tugas tersebut telah diselesaikan oleh kontraktor Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) baru-baru ini selepas tiga bulan aduan dibuat secara atas talian.

Menurut kenyataan DBKL, kelewatan memperbaiki penutup longkang adalah kerana ia harus diukur sebelum dipasang semula selain sekatan yang dikenakan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Semasa pemeriksaan awal ke lokasi tersebut, petugas mendapati bahawa penutup asli yang merupakan kisi besi itu telah digantikan dengan penutup batu oleh seorang penduduk.

"Pihak kami sendiri turut mengambil inisiatif untuk menutup longkang yang terdedah menggunakan penutup kayu sementara menunggu kisi baru diukur dan dipasang untuk memastikan keselamatan penduduk terpelihara," kata kenyataan itu.

DBKL turut menjelaskan bahawa penutup batu runtuh akibat hentaman dan tekanan beban tinggi dari masa ke masa



KONTRAKTOR DBKL membaiki penutup lubang yang hilang di Jalan Wan Sendari 3, Taman Sri Endah Bandar Sri Petaling baru-baru ini.

dari lalu lintas kenderaan.

Di samping itu, DBKL menggesa penduduk agar tidak membuang penutup longkang di jalan awam kerana ia adalah aset bandar dan boleh membahayakan pengguna kenderaan jika dilakukan tanpa prosedur dan spesifikasi yang betul.

DBKL berkata pihaknya telah mengambil tindakan selepas menerima aduan penduduk di Taman Maluri, Cheras

mengenai keadaan taman awam yang mengalami kerosakan teruk di Jalan Pria.

Ribut petir yang berlaku pada bulan Mei telah merosakkan kemudahan awam termasuk trek jogging, kawasan permainan kanak-kanak, bangku dan gelanggang futsal di kawasan tersebut.

Jelas DBKL lagi, pihaknya dalam proses menaik taraf taman dan memperbaiki kerosakan. **WK**

Labuan laksana e-Tanah hujung tahun ini

KHAIRUL IDIN

PEJABAT Pengarah Tanah Dan Galian (PPTGWP) Labuan melaksanakan sistem e-Tanah bagi meningkatkan kualiti urusan pentadbiran tanah di pulau itu bermula penghujung tahun ini.

Timbalan Pengarahnya, Abdul Basit Abdul Latif berkata, pelaksanaan e-Tanah itu adalah bertujuan meningkatkan kualiti dan kecekapan pentadbiran tanah di pulau itu.

"Menerusi sistem e-Tanah beberapa urusan tanah telah dinaiktaraf bagi kemudahan pemilik tanah dan pemegang taruh dalam mengurus tanah milik bagi tujuan pembangunan, urusniaga serta semua urusan permohonan tanah secara dalam talian," katanya pada sidang akbar, baru-baru ini.

Menurutnya, terdapat sembilan modul teras dalam sistem itu iaitu



BASIT (dua dari kanan) menunjukkan infografik sistem e-Tanah yang bakal dilaksanakan di Labuan menjelang penghujung tahun ini.

Pelupusan/Pemberimilikan Tanah, Permohonan Kebenaran Urusniaga (Consent), Pendaftaran dan Pembangunan Tanah.

Selebihnya adalah Hasil, Strata, Penguatkuasaan, Pengambilan Tanah dan Lelongan Awam.

Sehubungan itu, katanya, orang awam yang mempu-

nyai urusan yang berkaitan boleh melayari laman sesawang www.ptgwp.gov.my untuk mendapatkan perkhidmatan secara dalam talian.

Dalam pada itu, Basit berkata pihaknya turut mengambil langkah untuk menyeragamkan kadar cukai tanah mengikut Kaedah-Kaedah Tanah Wilayah

Persekutuan (KKTWPL).

Jelasnya, pelaksanaan itu perlu diimplementasi agar memberikan keadilan kepada pemilik tanah yang membayar cukai mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh KKTWPL.

Katanya, lebih kurang 7,610 daripada 12,618 hakmilik masih membayar mengikut kadar cukai lama dan terdapat 736 hakmilik yang tidak dikenakan cukai langsung.

"Kadar cukai yang bakal dikenakan adalah mengikut KKTWPL seperti yang diputuskan oleh Pihak Berkua Negeri (BPN) melalui mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tanah Labuan berpandukan kajian dan perbandingan di negeri-negeri lain.

"Ianya bersesuaian dengan nilai tanah dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini," jelasnya. **WK**

CERITA KEDAI KOPI

Ramai warga WP muflis

SEPANJANG tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) antara Mac 2020 hingga Julai lalu, sejumlah 10,317 individu diisyithar muflis gara-gara bahana pandemik COVID-19. Mungkin angka ini lebih jika diambil kira sehingga Oktober.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri, memberikan angka ini ketika menjawab soalan di parlimen. Kawan-kawan Kedai Kopi difahamkan, menurut statistik Jabatan Insolvensi Malaysia, Selangor mencatatkan jumlah individu tertinggi diisyithar muflis iaitu 2,555 orang.

Wilayah Persekutuan (WP) pula menduduki tempat kedua dengan 1,288 individu. Pecahan bagi negeri-negeri lain tidak dinyatakan. Jelas angka muflis di Wilayah Persekutuan juga tinggi.

Sedih sungguh kerana bahana pandemik COVID-19 menyebabkan ramai kehilangan kerja dan sumber pendapatan apabila tempat mereka mencari rezeki ditutup atau dihenti operasi sehingga keadaan pulih.

Bayangkan, pada tempoh PKP yang sama, sebanyak 1,246 syarikat gulung tikar. Pasti ramai pekerja terjejas walau pun Jabatan Insolvensi tidak mempunyai rekod jumlah pekerja yang dihentikan sepanjang tempoh PKP.

Gejala inilah yang akhirnya menjurus kepada muflis. Kehilangan kerja dan sumber pendapatan adalah pukulan teruk yang menjelaskan rentak kehidupan individu terlibat sehingga tergelincir daripada landasan yang biasa dilalui sebelumnya.

Kerana itu kawan-kawan Kedai Kopi berharap, dengan lebih banyak sektor ekonomi dibuka setelah sasaran 90 peratus penduduk menerima dua dos lengkap suntikan vaksin COVID-19 dicapai dan rentas negeri dibenarkan, ekonomi menjadi lebih rancak.

Peluang kerja sangat penting bagi membolehkan mereka yang jatuh akibat COVID-19 kembali berdikari demi kelangsungan hidup. Secara perlahan-lahan pula diharap mereka akan mampu melepaskan diri daripada rantai muflis.

Seperti yang diketahui, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) juga berusaha membantu mereka yang hilang kerja untuk bermula. Lebih 1,000 kios perniagaan di dalam dan luar bangunan disediakan untuk mereka dengan sewa perputaran.

Selain itu Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga (IWBB) adalah satu lagi pilihan. Ambillah peluang berniaga daripada inisiatif ini yang tata caranya lebih fleksibel dan mudah, sesuai dengan matlamat membantu warga WP mengharungi era pandemik COVID-19 yang mencabar.

Judi online dibanteras

TAHNIAH polis daerah Cheras yang berjaya menumpaskan kegiatan judi haram *online* melalui beberapa siri serbuan sejak Januari hingga September lalu. Diharap usaha berterusan seperti ini akan melumpuhkan terus kegiatan tersebut.

Sebelum ini di ruangan ini kawan-kawan Kedai Kopi meluahkan rasa geram dan tidak selesa kerana setiap hari beberapa kali menerima mesej pesanan ringkas (SMS) mengajak mereka menyertai judi *online*.

Mereka menjadi sasaran pengendali judi haram ini menerusi nombor rawak yang didaftarkan kepada syarikat telekomunikasi. Malah pelayar media sosial seperti Facebook turut menjadi mangsa.

Pihak polis pula berterusan menyiasat bagi menumpaskan kegiatan haram ini. Menurut laporan *Wilayahku*, baru-baru ini polis berjaya membanteras kegiatan tidak bermoral ini yang beroperasi di sekitar Cheras.

Memetik Ketua Polis Daerah Cheras, Asisten Komisioner Muhammad Idzam Jaafar, pihaknya sentiasa peka dengan kewujudan judi *online*. Serbuan demi serbuan dilakukan bagi memerangkap mereka yang terlibat. Serbuan terbaru ialah pada 5 Oktober lalu.

Sepanjang sembilan bulan pertama tahun ini 101 individu ditangkap dalam 42 serbuan dengan rampasan dianggar lebih RM300,000.

Pengendali judi haram tidak akan serik walau ditangkap dan dihukum kerana rangkaian operasi mereka besar. Tetapi kawan-kawan Kedai Kopi percaya pihak polis perlu lebih peka dan cekap mengudu kegiatan mereka dan membanterasnya.

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@yayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN

Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

PENOLONG PENGARANG

Nazwin Izzan Ahmad Nazri
winwilayahku@gmail.com

WARTAWAN KANAN

Azlan Zambray
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Roshidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN

Khairul Idin
[khaiwilayahku@gmail.com](mailto:khairulwilayahku@gmail.com)
Deel Anjer
deelanjer@gmail.com
Syahidi Bakar
diwilayahku@gmail.com

Sabrina Sabre

nsabrinaakmal@gmail.com
Hazirah Halim
hazirah52@gmail.com
Diana Amir
dianasyuhada@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid
lemandecapri@gmail.com
Mohd Affandy Annuar
affandywilayahku@gmail.com
Fauzi Taib

adhamfauzi05@gmail.com

Taufik Mohd Pauze
kikkywilayahku@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Nazirul Mohd Roselan
nazirulwilayahku@gmail.com
Mohd Aminullah Farji Hasan
aminwktv@gmail.com
Azly Fariq Ramly
azlyfariq@yayasanwp.org.my

PEMASARAN

Mohd Zuhairi Mazlan

zuhairi@yayasanwp.org.my
V Kumar Veeran
veeran1010@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@yayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm8686@gmail.com

MEDIA WARGA KOTA

**Dapatkan
di 500 lokasi terpilih
di Kuala Lumpur,
Putrajaya dan Labuan**

* Maklumat lanjut layari: www.wilayahku.com.my *



IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

Wilayah Ku

KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]



FULL PAGE
26cm X 33cm
RM7,500



HALF PAGE
25cm X 17cm
RM5,500



QUARTER PAGE
12cm X 17cm
RM4,500



PANEL PAGE [INNER]
26cm X 6cm
RM4,500

KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]



FRONT BANNER
1000px X 96px
RM2,500

MIDDLE BANNER
1000px X 200px
RM2,000

MEDIUM RECTANGULAR
350px X 260px
RM1,500

HALF PAGE
350px X 500px
RM1,000

50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 300 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

012-208 6354 (V. KUMAR VEERAN)
Pengurus Pengiklanan

011-1069 2962 (ZUHAIRI)
Eksekutif Jualan dan Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:
Aras 9, Blok 1,
Menara Seri Wilayah,
62100 Putrajaya.

DATUK DR BUDIMAN
MOHD ZOHDI

PENGETAHUAN adalah kuasa. Itu antara frasa yang sering kita dengar. Dengan adanya pengetahuan kita mampu mencapai apa sahaja yang kita hajati. Dengan pengetahuan dalam ilmu kulinari, kita boleh menjadi chef yang tersohor.

Dengan pengetahuan dalam selok-belok perniagaan kita boleh menjadi usahawan yang berjaya.

Begitulah, tidak kira apa juga bidang, jika kita mempunyai pengetahuan mengenainya maka kuasa pengetahuan itu akan membawa kejayaan kepada kita. Betulkah begin?

Sebenarnya tidak. Pengetahuan bukan kuasa. Ia sekadar potensi kuasa. Untuk menjadikan pengetahuan itu berfungsi sebagai kuasa, kita perlu bertindak menggunakanannya.

Tanpa tindakan, pengetahuan setinggi langit sekalipun tidak akan membawa sebarang makna.

Saya ada seorang kawan yang sangat suka membaca buku-buku motivasi. Koleksi buku motivasinya agak banyak. Tidak hairanlah jika pengetahuannya tentang ilmu motivasi juga agak hebat.

Ironinya, kehidupan dia tidak banyak berubah. Lebih banyak susah daripada senang.

Apabila saya bertanya kenapa dia tidak menggunakan pengetahuannya dalam ilmu motivasi untuk membina kehidupan yang lebih baik, jawapannya, "Memang itulah cadangan aku. Cuma tunggu masa sahaja."

Itulah masalah bagi kebanyakan orang. Mereka sedar hidup mereka sukar, mereka tahu atau telah diberi tunjuk ajar tentang cara-cara untuk membina kehidupan baharu yang lebih baik, tetapi mereka tidak bertindak atau sekadar mengambil tindakan separa masak.

Sesungguhnya tidak ada senjata yang lebih baik untuk melawan kemiskinan dan kesusahan selain daripada bertindak mengatasinya.

Berpandukan serba sedikit panduan yang telah saya berikan dalam siri-siri sebelum ini tentang apa yang perlu dilakukan untuk keluar daripada belenggu kemiskinan, mulakanlah langkah pertama anda. Bukan sekejap lagi, bukan esok lusa, tetapi SEKARANG!

Memang benar, ia bukan perkara yang mudah. Ramai orang teragak-agak untuk memulakan langkah pertamanya.

Mereka mempunyai keinginan tetapi sering kali was-was untuk bergerak mencapainya.

Semangat yang asalnya

Akhirnya kuasa bertindak



KOLUM 3M singkatan daripada melawan maksud miskin akan menamatkan siarannya mulai minggu hadapan selepas disiarkan setiap minggu bermula dari 21 Mei 2020. Pihak Editorial mengucapkan terima kasih atas dedikasi penulis selama ini.

berkobar-kobar perlahan-lahan berubah menjadi suram dan malap. Mereka dengan sendirinya hilang motivasi.

Ada banyak sebab kenapa perkara seumpama itu berlaku. Antaranya adalah sikap terlalu berhati-hati, yang sebenarnya merupakan manifestasi daripada rasa takut dan bimbang untuk melangkah ke dalam suatu lingkungan baharu. Banyak orang mengalami masalah ini.

Sebaik sahaja hendak melangkah muncullah seribu satu bayangan tentang kemungkinan-kemungkinan yang menanti di hadapan.

Contohnya, jika anda bercadang hendak membuka gerai menjual kuih, akan timbul rasa bimbang tentang bagaimana jika perniagaan itu tidak mendapat sambutan?

Bagaimana kalau sebaik sahaja anda mula bermula hujan turun setiap hari? Bagaimana kalau penjual kuih lain berdekatan anda menggunakan khidmat pawang dan bomoh untuk membunuh perniagaan anda?

Bagaimana itu, bagaimana ini. Akhirnya anda tangguhkan dulu hasrat untuk bermula. Tangguh dan tangguh sehingga lama-kelamaan hilang minat.

Kadang-kadang takut dan bimbang itu berpunca daripada sebab-sebab yang hampir tidak masuk akal, misalnya, bimbang jika perniagaan telah maju nanti anda tidak mempunyai cukup masa untuk berehat.

Takut bila banyak duit, anak isteri lupa diri. Dan seribu satu alasan lain yang akhirnya menyebabkan anda kekal di takuk menyerah.

Kegagalan menetapkan sasaran yang betul juga menjadi salah satu punca seseorang yang mau mengubah nasib itu teragak-agak untuk bertindak, atau cepat patah semangat apabila berdepan dengan masalah setelah mula melangkah.

Oleh itu berhati-hatilah ketika menetapkan sasaran anda.

“Dalam menetapkan sasaran sebelum mula melangkah, ramai yang keliru. Dia menyangka sasaran yang ditetapkan itu adalah kehendak dirinya sendiri, sedangkan hakikatnya ia adalah ‘kehendak’ persekitaran.

Harus difahami bahawa diri kita sebenarnya terbahagi kepada dua.

Diri kita yang sebenar dan diri yang dibentuk oleh persekitaran. Diri yang sebenar itu boleh diketahui melalui minat yang mendalam terhadap sesuatu secara semula jadi dan tindakan-tindakan kita yang spontan terhadap sesuatu situasi.

Diri yang dibentuk oleh persekitaran pula adalah segala apa yang kita lakukan untuk menyesuaikan diri dengan segala yang ada di sekeliling.

Adat, resam, peraturan dan sebagainya. Sebahagian daripadanya kita terima secara sukarela, sebahagian lagi secara terpaksa dan selebihnya kerana terpengaruh semata-mata.

Dalam menetapkan sasaran sebelum mula melangkah, ramai yang keliru. Dia menyangka sasaran yang ditetapkan itu adalah kehendak dirinya sendiri, sedangkan hakikatnya ia adalah ‘kehendak’ persekitaran.

Contohnya, jika anda mensasarkan untuk menjadi peniaga atas talian yang berjaya, anda perlu bertanya kepada diri sendiri berulang-ulang kali, apakah sasaran itu didorong oleh minat anda atau sebaliknya kerana terpengaruh dengan persekitaran semata-mata.

Hanya disebabkan perniagaan secara atas talian sedang popular, maka anda pun hendak menjalankan perniagaan yang sama.

Jika betul-betul kerana minat,

teruskan. Jika tidak, jangan cari nahas. Sampai di pertengahan jalan anda mungkin hilang minat dan hilang motivasi.

Adalah lumrah apabila seseorang itu telah biasa dengan sesuatu persekitaran, dia akan berasa selesa dengan persekitaran tersebut.

Rumah kecil, sempit, buruk dan seumpamanya, tidak menjadi masalah bagi dirinya sebab dia telah biasa dengan tempat itu.

Oleh itu walaupun wujud keperluan untuk melangkah ke ruang lain dan membina persekitaran baharu, dia akan teragak-agak sebab tidak mempunyai gambaran yang jelas tentang persekitaran baharu itu.

Ada ketikanya sikap teragak-agak untuk bertindak itu didorong oleh terjadinya pertembungan nilai.

Seerti yang diketahui, setiap orang mempunyai nilai-nilai dokongannya yang tersendiri.

Ada yang sukaan suasana yang hening, ada pula yang suka menyendiri dan tidak suka dikenali, tidak sedikit yang mementingkan adab susila dalam pergaulan dan sebagainya.

Disebabkan itu apabila mereka mendapat sebarang peluang memperbaiki kehidupan, tetapi nilai-nilai yang dibawa oleh peluang itu bertentangan dengan nilai yang mereka utamakan, maka dengan sendiri akan timbulah pertentangan yang akhirnya mungkin menyebabkan terasa tawar hati dan seumpamanya.

Keskes kurangnya autonomi dalam membuat keputusan juga sering melambatkan seseorang bertindak.

Tidak cukup modal, tidak cukup sumber, pasangan yang tidak memahami, kekurangan sokongan keluarga adalah antara contoh yang menyebabkan sukar untuk membuat sesuatu keputusan.

Akhirnya orang berkenaan

mungkin memilih untuk tidak bergerak ke hadapan dan menipu dirinya sendiri bahawa dia selesa dengan kehidupan serba sukar yang dilaluinya sekarang.

Yang penting jangan bertangguh. Berani lakukan perubahan. Bertindaklah.

Tekadkan hati bahawa apa pun yang muncul susulan daripada tindakan itu, anda akan depan dengan berani.

Gunakan kuasa tindakan yang anda miliki dengan sebaik-baiknya, dan anda akan lihat sendiri bagaimana kuasa itu akan mengubah kehidupan anda nanti!

Datuk Dr Budiman Mohd Zohdi adalah Presiden SLR Institute. Sebuah organisasi yang memfokus kepada kajian penyelidikan sosial dalam negara.



DARI PAKSINA DAN DAKSINA

Derap tapak menghayun langkah debu kota kumpul menyinggah setiap lohong terus dijejak di sini gelanggang memerah keringat tidak peduli maju atau mundur kota cosmopolitan bersifat sejagat segalanya indah dan lengkap tempat mencari rezeki dan laba halal dan haram pahala dan neraka.

Dari paksina dan daksina bertafakur mencari hala tujuan kota ini ada pelbagai rahsia jangan berigau selalu terbang jika sayap bernadi sebelah jangan tersepit dicelah angan jika tercicir menjadi Mat Jenin dalam kota penuh gemilang mungkin tiada belas ihsan di tengah arus kesibukan kota jangan asyik menghitung untung kota tidak bersedia ternotah hanya mimpi permainan diri.

Raja Abdul Rahman Raja Basok Bandar Maharani Bandar Diraja

t.me/wilayahku



**SERTAI SALURAN TELEGRAM
Wilayah Ku**
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



“Hello, assalamualaikum Datuk Seri. . .”

“HELLO. Assalamualaikum Datuk Seri. Saya ingin membuat aduan mengenai jalan rosak.” Barangkali inilah senario harian dilalui Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Shahidan Kassim, setelah rela hati mendedahkan nombor telefon peribadinya kepada awam. Tujuannya untuk mereka menghubunginya jika ingin membuat aduan masalah jalan rosak.

Beliau turut mendedahkan nombor telefon peribadi timbalannya, Datuk Seri Jalaluddin Alias dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah.

Sepanjang ingatan Adi, inilah kali pertama seorang menteri mendedahkan nombor telefon untuk orang ramai menyalur aduan. Ini satu langkah proaktif dan berani kerana kemungkinannya nombor itu akan menjadi tumpuan ramai.

Memang benar, seperti yang Adi duga, Shahidan menerima panggilan mencapai angka ribuan, sehingga telefonnya ‘jammed’ atau sangkul. Beliau tidak menang tangan melayani panggilan dan mendengar masalah. Malah masalah yang dikemukakan bukan sahaja berkisar mengenai jalan, tetapi pelbagai isu lain yang menyentuh rakyat.

Kerana itu dinasihatkan agar orang ramai tidak membuat panggilan, cukup sekadar mesej pesanan ringkas (SMS). Ini kerana sukar bagi Shahidan melayani setiap panggilan, serta boleh mengganggu tugas lain. Namun Adi percaya beliau mampu menangani situasi ini.

Nyata usaha Shahidan untuk memastikan keadaan jalan sentiasa terjaga elok untuk keselesaan warga kota mendapat respon baik daripada orang ramai yang rata-rata prihatin dengan keadaan jalan di Kuala Lumpur.

Maklum di Kuala Lumpur masalah kerosakan jalan seperti jalan berlopak, jalan tidak diturap dengan baik, jalan dikorek dan tidak ditampal dengan baik, semua ada di segenap pelosok bandar raya.

Pada dasarnya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan bertindak terhadap setiap aduan. Namun kerana jumlahnya banyak, ada kalanya DBKL mengambil sedikit waktu. Akibatnya ada yang tidak puas hati.

Justeru jika aduan sudah dibuat kepada menteri, dan disalurkan kepada jabatan berkenaan di DBKL, tindakan lebih pantas dapat dilakukan menurut keutamaan, berdasarkan lokasi dan jenis kerosakan.

Kerana itu Adi berpendapat, seharusnya bukan Shahidan,



SHAHIDAN mendedahkan turut menerima panggilan ketika bersidang di Dewan Rakyat baru-baru ini.

timbalannya dan datuk bandar sahaja yang patut memberi nombor telefon untuk orang ramai, tetapi juga ketua-ketua jabatan DBKL yang ada hubung kait dengan kerja-kerja membaiki dan menyenggara jalan.

Orang luar juga boleh membuat aduan. Seperti kata Shahidan, mereka yang datang ke Kuala Lumpur untuk melancang atau ada urusan, dan ternampak jalan berlopak atau berbahaya boleh terus menghubunginya, timbalannya atau datuk bandar.

Shahidan dan kakitangan DBKL sentiasa bersiap sedia 24 jam untuk bertindak dengan janji masalah diselesaikan dalam tempoh 24 juga. Ini juga ingatan beliau kepada DBKL agar sentiasa memantau keadaan jalan di Kuala Lumpur dan setiap aduan ditangani.

Pada Adi, pendekatan yang diambil oleh Shahidan secara tidak langsung membolehkan orang ramai menjadi mata telinga kepada DBKL dengan memberi maklumat di kawasan mana terdapat jalan bermasalah.

Sebagai penduduk sesuatu kawasan atau melalui jalan-jalan

tertentu setiap hari, mereka pasti dapat melihat sendiri jalan yang perlu diperbaiki.

Pihak DBKL mungkin menghadapi kekangan untuk meninjau atau memantau sepanjang masa kerana kekangan tenaga atau lewat mendapat maklumat mengenai jalan rosak. Tetapi dengan bantuan serta feedback orang ramai akan memudahkan tugas mereka.

Menurut Shahidan, banyak isu lain diadukan oleh rakyat selain masalah jalan. Bagi Adi, memang wajar alang-alang sudah mendedahkan nombor telefon, elok diperluaskan skop aduan. Pelbagai masalah lain yang berkait langsung dengan orang ramai juga perlu perhatian.

Isu rakyat antaranya masalah sampah tidak dikutip, masalah pengangkutan awam, taman-taman yang tidak dijaga dengan baik, pasar tidak bersih dan sebagainya sentiasa menghantui warga kota.

Apa pun, orang ramai wajar menghargai kesediaan Shahidan berkongsi nombor telefon. Gunakan saluran hubungan ini sebaik-baiknya. Jangan gunakan talian untuk tujuan yang tiada

“Orang luar juga boleh membuat aduan. Seperti kata Shahidan, mereka yang datang ke Kuala Lumpur untuk melancang atau ada urusan, dan ternampak jalan berlopak atau berbahaya boleh terus menghubunginya, timbalannya atau datuk bandar.

mengena dengan matlamat, apakah lagi untuk sengaja menimbulkan gangguan.

Untuk faedah orang ramai, Adi kongsikan nombor talian Shahidan ialah 019-4545111, Jalaluddin 019-6524444 dan Mahadi Che Ngah 016-2068883. *InsyaAllah* talian ini akan sentiasa terbuka.

Adi—Pernah langgar jalan berlubang.

LABUAN TERUS MAJU JAYA

JAUH di mata dekat di hati. Itulah ingatan terhadap Wilayah Persekutuan (WP) Labuan, wilayah pertama dalam WP mencapai sasaran imuniti kelompok atau *herd community* dan yang pertama memasuki Fasa 4 dalam Pelan Pemulihan Nasional (PPN).

Kerana itu dalam apa juga aspek pembangunan dan kesejahteraan penduduk, Labuan tidak dipinggir. Kini usaha sedang dilakukan untuk memulihkan ekonomi pulau bebas cukai itu yang terjejas akibat tempias pandemik COVID-19.

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan Labuan ‘terkurung’. Sektor pelancongan yang menjadi antara sumber utama hasil pulau itu bagi lumpuh. Kerana itu Labuan sedang berusaha mengukuhkan semula ekonominya yang merudum.

Sebagai pembuka tirai, satu forum ekonomi bakal diadakan di pulau itu, membincangkan isu pembangunan di pulau itu. Malah perbincangan juga dijangka diadakan dengan perdana menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berhubung pembangunan ekonomi Labuan agar ia terus maju jaya.

Memetik Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Shahidan Kassim, pihak kementerian juga merancang pembangunan jangka pendek dan jangka panjang dalam memastikan kerancakan semula ekonomi dan kesejahteraan penduduk.

Usaha juga akan dilakukan bagi memastikan status bebas cukai Labuan benar-benar memberi manfaat. Adi difahamkan, status berkenaan seolah-olah tidak berfungsi sepenuhnya kerana tidak semua barang yang dijual adalah bebas cukai.

Bagi Adi, semua usaha ini jelas menunjukkan sekali pun WP Labuan jauh daripada dua saudaranya, Kuala Lumpur dan Putrajaya, pulau itu tetap dekat di hati. Segala usaha membangun dan memajukannya sentiasa dijalankan seperti juga Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Satu lagi projek besar yang dirancang di Labuan ialah pembinaan jambatan menghubungkan pulau itu dengan tanah besar Sabah. Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melalui Kementerian Kerja Raya (KKR) telah pun membuka tawaran cadangan pembinaan Projek Jambatan Labuan-Sabah secara kerjasama awam dan swasta.

Ini merupakan anjakan besar untuk kemajuan dan kemakmuran Labuan. Dengan adanya jambatan akan berlaku pergerakan lebih kerap dan lebih rancak antara penduduk pulau itu dan Sabah, malah daripada Sarawak dan Brunei serta sebaliknya.

Situasi ini bakal mendorong kepada pertumbuhan rancak ekonomi dan pelancongan yang akan memberi manfaat kepada Labuan. Akses kepada pengangkutan darat memudahkan urusan keluar masuk. Keadaan ini disukai oleh pelabur atau pelancong.

Natijahnya nanti, bukan sahaja usaha memakmurkan Labuan menjadi kenyataan tetapi juga memastikan agenda utama menjaga kesejahteraan rakyat menjadi kenyataan.

Adi—Belum pernah sampai Labuan

- Adi Tuah

SAJAK

TERIMA KASIH MATAHARI

Terima kasih jadikan matahari siang bersinar di langit bumi akur tidak pernah letih tanpa penghargaan dan pujian malah sering dimaki nista dicipta bukan bahan keluhan hangatmu selinap lipatan kulit kerana panas bahangnya matahari suara mengeluh di sawah bendang di belantara kota hutan batu masih teguh mencari rezeki nikmat diberikan oleh-Nya kenapa mesti berpaling arah hidup menyuruh tekun berusaha lunasi tabiat hidup seharian kadang leka ibadatkan kerja tanpa terfikir jika alam gelap gelita hilang arah kelam sinar mati kehidupan.

RAR RB
Parit Karang, Tanjung Gading

SKETSA



YWP terima banyak permohonan daripada peniaga kecil

Kumpulan ketiga SMKWP ditapis

HAZIRAH HALIM

SKIM Mikro Kredit Wilayah Persekutuan (SMKWP) dengan nilai maksimum RM5,000 masih menerima sambutan menggalakkan, terutama daripada golongan peniaga kecil-kecilan.

Susulan permintaan yang tinggi, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) membuka permohonan baru bagi kumpulan ketiga.

Pengurus Kanan Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama & Teknologi (P.E.S.A.T), **Zahrulail Abdul Rahman** berkata, sebelum ini, seramai 26 peniaga dari kumpulan satu dan dua telah mendapat manfaat SMKWP.

"Tahun ini, kita terima kira-kira 40 hingga 50 permohonan dan YWP sedang membuat tapisan lanjut sebelum meluluskannya.

"Antara kriteria kelayakan pemohon adalah yang dititikberatkan adalah, mereka mempunyai lesen perniagaan daripada pihak berkuasa tempatan (PBT), ruang niaga dan jenis perniagaan asli," katanya ketika dihubungi Wilayahku pada Selasa.

Berkata lanjut, Zahrulail memberitahu, pihaknya akan membuat lawatan tapak ke premis terlibat sebelum meluluskan permohonan dan pemantauan dilakukan dari semasa ke semasa.

Jelasnya, ia bertujuan untuk memastikan pemohon patuh kepada syarat yang ditetapkan selain menjalankan perniagaan dengan sistematis.

Menurutnya, faedah yang dikenakan juga serendah lima peratus yang mana tiga peratus akan dipulangkan semula selepas

tempoh pembiayaan tamat.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, sehingga kini pihaknya tidak merekodkan sebarang kelewatan bayaran daripada peminjam.

"Masalah yang dihadapi adalah daripada pihak kita. Apabila PKP, sukar untuk buat lawatan tapak, tetapi kini ia kembali lancar kerana sektor ekonomi sudah dibuka sepenuhnya," ujarnya.

SMKWP diperkenalkan pada Februari 2020, dengan bayaran balik serendah RM32 sebulan adalah untuk membantu usahawan kecil sedia ada dari kumpulan B40 mengembangkan perniagaan mereka.

Pemohon boleh mendapatkan borang secara atas talian di laman web YWP, <https://www.yayasanwp.org/> atau talian 03 2698 3073 / 2073 untuk maklumat lanjut. WK



ANTARA peniaga kecil yang mendapat bantuan pembiayaan daripada skim mikro kredit.

Suria KLCC tawar baucar hampir RM450,000 kepada pelanggan bertuah

KEMBALI membuka tirai 'The Golden Ticket', Kumpulan Syarikat Suria KLCC menyediakan baucar hampir RM450,000 kepada pelanggan bertuah yang berkunjung ke pusat beli-belah di bawah naungannya bagi tempoh suku akhir tahun 2021.

Ketua Pegawai Esekutif, Suria KLCC Sdn Bhd, **Andrew Brien** berkata, kempen ini dianjurkan lagi selepas menerima maklum balas positif dan ia secara tidak langsung menjadi kempen yang diingati pengunjung.

"Kami amat bersyukur kerana berpeluang untuk kembali meraikan pengunjung setia dengan sambutan kempen ini, kami berharap usaha ini sedikit sebanyak dapat memberi keceriaan kepada mereka."

"Kempen ini adalah tanda penghargaan kecil kami dalam menghargai dan menjanjungi pelanggan," katanya.

Menurutnya, sepanjang tempoh 16 hari bermula 9 Oktober lalu, pembeli berpeluang untuk memenangi hadiah cabutan bertuah dengan membuka salah satu kotak misteri yang dipilih daripada 100 kotak lain. Katanya, kotak misteri berkenaan akan ditempatkan di Tingkat 1, Ramlee Mall, yang mana para pembeli berpeluang memenangi 'Golden Ticket' atau 'Purple Ticket'.

"Golden Ticket" adalah himpunan baucar beli-belah yang bernilai RM5,000, manakala pembeli yang mencabut 'Purple Ticket' akan membawa pulang baucar beli-belah Suria KLCC yang bernilai RM50.

"Pengunjung yang berbelanja sekurang-kurangnya RM500 dalam dua resit dari mana mana kedai terpilih di Suria KLCC layak untuk menyerai cabutan bertuah tersebut. Bagi merancakkan lagi kempen ini, Suria



WARTAWAN hype.my, Justin Tan antara pelanggan bertuah yang menerima baucar bernilai RM5,000.

KLCC akan memberi pakej percutian 'staycation' dua hari satu malam di Mandarin Oriental, Kuala Lumpur dan cabutan akan dibuat pada acara penutupan tirai kempen tersebut.

"Peluang untuk memenangi 'Golden Ticket' akan diadakan pada sesi pagi dan sesi tengah hari, sejumlah 32 pemenang akan membawa pulang baucar beli-belah yang bernilai RM5,000 setiap seorang," katanya.

Mengulas lanjut, Brien memberitahu, bagi 'Purple Ticket', lebih daripada 3,000 baucar beli-belah yang bernilai RM50 dengan nilai terkumpul sebanyak RM158,000 bakal dimenangi dan sebanyak 99 baucar akan diberikan pada dua sesi setiap hari.

Ujarnya, bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan pengunjung sepanjang keberlangsungan kempen, Suria KLCC akan memastikan kawalan prosedur operasi standard (SOP) dipantau.

"Cecair pembasmi kuman dan cecair pembersih tangan akan disediakan di sekitar stesen cabutan bertuah tersebut. Bagi mengekalkan penjarakan sosial yang optimum, acara cabutan bertuah hanya akan diadakan pada dua sesi setiap hari yang mana sesi pertama akan berlangsung mulai pukul 10 pagi hingga 3 petang manakala sesi kedua akan berlangsung pada pukul 4 petang hingga 9 malam.

"Kempen 'The Golden Ticket' juga akan kembali memeriahkan kawasan Centre Court Pusat Beli-Belah Mesra Mall, Kemaman pada 22 November untuk pelanggan yang berbelanja sekurang-kurangnya RM250 dalam dua resit dari mana-mana kedai terpilih. Secara keseluruhan, sejumlah 45 'Golden Ticket' akan diberikan," tambahnya.

Untuk makluman, tebusan hadiah terhad untuk satu kemasukan bagi setiap pembeli untuk setiap hari, sementara stok masih ada. WK

Sunway, Huawei Malaysia terokai era pendigitalan

SUNWAY Berhad (Sunway) menerusi anak syarikatnya, Sunway Shared Services Sdn Bhd menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama Huawei Technologies (Malaysia) Sdn Bhd (Huawei) bagi meneroka kerjasama untuk membangun dan memajukan Program Inovasi Digital Sunway.

Presiden Kumpulan Sunway, **Tan Sri Chew Chee Kin**, berkata, kerjasama antara dua pihak dapat mempercepatkan usaha transformasi digital Sunway di segenap pelusuk sejarah dengan revolusi Industrial 4.0.

"Di Sunway, kami terus mengutamakan inovasi digital dengan melabur dalam bakat, sumber dan infrastruktur untuk memastikan Kumpulan Sunway kekal lestari, berdaya tahan dan relevan dengan persekitaran yang sentiasa berubah," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Bagi Ketua Pegawai Maklumatnya, Kevin Khoo, Kumpulan Sunway teruja untuk bekerjasama dengan Huawei yang terkenal sebagai penyedia maklumat global terkemuka dan infrastruktur teknologi komunikasi (ICT), melopori dunia penyebaran maklumat dan komunikasi.

"Kami berharap dapat melihat hasil inovatif dari kerjasama ini dan bagaimana ia akan mendorong ekosistem Sunway yang berkembang maju," jelasnya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Huawei Malaysia, Michael Yuan berkata, sebagai peneraju teknologi global, Huawei berada dalam posisi yang baik untuk memberikan bantuan teknikal dan panduan kepada Sunway Group.

Ujarnya, Program Inovasi Digital Sunway berada di landasan tepat dan pendigitalisasi akan membantu sesebuah organisasi menjadi lebih berdaya saing di era digital.

Terdahulu, MoU berkenaan bertujuan untuk meneroka potensi Huawei dalam mendorong inisiatif perkhidmatan digital baru melalui Program Inovasi Digital Sunway yang memajukan transformasi digital di seluruh Kumpulan Sunway yang juga salah satu konglomerat terkemuka di Malaysia dengan 13 bahagian perniagaan.

Majlis menandatangani itu disempurnakan, Kevin sebagai wakil Sunway bersama Naib Presiden Cloud dan AI Huawei Malaysia, Lim Chee Siong dengan disaksikan Chee Kin serta Michael Yuan. WK

SUNWAY



HUAWEI

REALITI KEHIDUPAN

Tadaku

15 - 21 OKTOBER 2021 . BIL 137

Wilayah Ku

AIR mata Asikin
mengalir apabila
Utusan Malaysia
menamatkan
perkhidmatannya.
Foto Malaysia
Gazette

SIP beri sinar baharu



TERAS
#KELUARGAMALAYSIA



DIBERHENTIKAN mahupun ditamatkan perjawatan atas alasan tertentu termasuk syarikat bankrap pastinya memberi kesan mendalam kepada pekerja terutama mereka yang berumur lebih 40 tahun.

Lebih parah apabila, mereka terlibat tidak mempunyai simpanan yang mencukupi sepanjang tempoh mendapatkan pekerjaan baru.

Situasi getir yang dialami itu bukan hanya mendorong ke arah pelbagai isu jenayah serta sosial, ia juga mengganggu sistem kesihatan individu terlibat seperti masalah kemurungan dan bunuh diri yang sering dilaporkan masa ini, masyarakat kehilangan sumber pendapatan akibat pandemik COVID-19.

Seperti dilaporkan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, sebanyak 638 kes bunuh diri berlaku di Malaysia antara Januari hingga Julai tahun ini, iaitu peningkatan 143 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

Peningkatan kes tersebut turut dikaitkan dengan beban kewangan yang dihadapi dan faktor kehilangan pekerjaan selain pelbagai isu lain.

Bagi pencarum Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso), mereka dapat menarik nafas lega apabila Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) yang diperkenalkan pada 1 Januari 2018 memberi pelbagai manfaat dan kebaikan termasuk bantuan kewangan serta membantu pencarum mendapatkan pekerjaan. **W.K**

REAKSI PERKESO

“SIP sangat membantu saya dalam meneroka pekerjaan kerana pihak Perkeso akan membantu serta memberi tunjuk ajar untuk permohonan selain insentif diberikan untuk bantu kita bayar komitmen dan buat perbelanjaan. Itu adalah perkara yang sangat bermakna dalam sistem ini.”

NUR MUHAMMAD AIMAN RAMLI
Pembantu Tadbir

“PADA pendapat saya, bantuan patut diberikan sama rata tidak kira pekerja swasta, awam atau bekerja sendiri dan nasihat saya hubungi pihak Perkeso untuk tahu lebih lanjut jenis bantuan yang diberi dan apa yang kita (pencarum) akan dapat.”

MOHAMED HALIM MOHAMED IDRIS
Penjaja

“SAYA salah seorang pencarum. Saya bersetuju sekiranya ia dibuka kepada penjawat awam kontrak dan bekerja sendiri kerana selain elاعن program penempatan semula pekerjaan disediakan, Perkeso akan menghubungkan pekerja dengan majikan yang mempunyai peluang pekerjaan.”

AZATUL AMERY ISMAIL
Eksekutif

“BAGI saya usaha SIP ini bagus ekoran keadaan ekonomi pada masa kini yang terjejas teruk akibat COVID-19, SIP ini amatlah perlu bagi mendukung pekerja yang tidak bekerja untuk menampung perbelanjaan sehari-hari dalam masa mencari pekerjaan baharu.”

NUR SHAZLIN SHAHROM
Wartawan

SIP rawat sejarah hitam dua ketua keluarga



DIANA AMIR

TERIMA kasih, terima kasih, terima kasih itu adalah ungkapan istimewa yang tidak lekang daripada mulut penerima Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) yang mengalami kesukaran hidup setelah diberhentikan kerja dua tahun lalu.

Dahulu berpakaian kemeja berkasut kulit, bekerja di bawah bumbung yang berhawa dingin kini berpeluh keringat berniaga di tepi jalan.

Kehidupannya kini, umpama melihat titik cahaya di hujung terowong apabila akhirnya berjaya membina semula kehidupan menggunakan hasil kewangan daripada SIP.

Begitulah kehidupan Rosli

Manah, 53, yang mengalami perubahan drastik apabila syarikat akhbar terkemuka, tempatnya bekerja mengumumkan penutupan secara tiba-tiba tiga tahun lalu.

Berkongsi tentang kehidupannya, bantuan SIP yang diterima digunakan bagi memulakan perniagaan kecil-kecilan demi menampung keluarga kecilnya pada ketika itu.

"Selepas berhenti kerja, saya memang hilang punca pendapatan dan ketika itu saya agak buntu bagaimana hendak menampung keluarga.

"Sangat lega meskipun jumlah yang diberi tidaklah banyak namun ia memadai buat saya jadikan modal untuk memulakan perniagaan kecil-kecilan yang masih bertahan sehingga kini," ujarnya yang mengakui pelbagai faedah disediakan di bawah SIP.

Bapa kepada tiga orang anak ini menzahirkan rasa syukur dan terima kasih kepada pihak Perkeso yang peka dengan keadaan dan kesusahan dialami dirinya.

"Terima kasih kepada SIP

Perkeso yang membantu saya untuk meneruskan perniagaan dan *alhamdulillah* selepas dua tahun, perniagaan masih berjalan dan masih ada rezeki daripada hasil permulaan dengan duit yang diperolehi SIP. *Alhamdulillah* terima kasih banyak-banyak," luah Rosli.

Bercakap melalui pengalaman, Rosli mengakui permohonan SIP bukanlah satu bebanan sebaliknya urusan dilakukan dengan amat mudah.

"Saya rasa ambil SIP tidak ada masalah dan tidak susah pun. Ia ibarat kawan tolol carikan kerja untuk kita kerana di bawah SIP terdapat platform yang akan membantu pencarum untuk mendapatkan pekerjaan baharu, jadi bukan satu beban pun."

"Saya nasihatkan sesiapa yang terjejas pendapatan, daftarkan SIP ini kerana ia sangat membantu dan banyak kebaikan yang boleh diperoleh," jelasnya mengenai kebaikan SIP.

Berkongsi cerita sama, **Nor Asikin Hassan**, 50, mengakui dia tidak menyangka dirinya akan kehilangan mata pencarian utama dalam sekilip mata tanpa sebarang notis.

Dengan bebanan di bahunya, dia memilih untuk membawa Grab sebagai sumber pendapatan demi menyara dua insan istimewa dalam hidupnya.

Menceritakan detik yang tidak dapat dilupakan, Asikin berkata wang SIP yang diperoleh hanya digunakan untuk keperluan sahaja dan tidak menggunakan wang tersebut untuk kepentingan dirinya sendiri memandangkan jumlah yang diterima mencukupi dalam tempoh enam bulan sahaja.

"Saya menggunakan wang tersebut untuk keperluan hidup serta bayaran penting dan duit yang ada hanya cukup untuk menampung kehidupan saya bersama ibu bapa memandangkan saya masih belum berkahwin," katanya.

Dalam nada terharu, Asikin berasa sangat terhutang budi kepada Perkeso yang terus memberi harapan dan sokongan kepada dirinya sekeluarga untuk tidak mudah berputus asa serta berterima kasih di atas keprihatinan yang diberikan.

"Terima kasih Perkeso kerana banyak membantu saya dan kawan-kawan di Utusan ketika kami kehilangan pekerjaan. Bantuan yang diberikan selama enam bulan itu amat memberi manfaat yang banyak ketika kami sangat buntu dan tidak tentu arah, dapat membantu mengurangkan beban yang ada."

"*Alhamdulillah* harapnya Perkeso dapat membantu orang lain yang turut terlibat dalam masalah kehilangan pekerjaan, tetapi



ROSLI



ASIKIN

sekiranya jumlah dapat dinaikkan sedikit ia lebih membantu," jelasnya yang menghargai usaha baik Perkeso.

Dia juga menasihatkan penerima SIP untuk tidak selesa berada di takuk yang sama dan terus berusaha mencari pendapatan sendiri meskipun telah dibantu pihak Perkeso.

Jelaslah inisiatif yang diperkenalkan pada 1 Januari 2018 ini membawa seribu kebaikan dan manfaat kepada individu yang telah hilang pekerjaan dan juga mencarum di bawah badan sosial tersebut.

INFOGRAFIK SIP

- Diperkenalkan pada 1 Januari 2018
- Diberikan kepada pencarum yang diberhentikan kerja
- Bantuan kewangan segera diberikan (7 hari selepas pengesahan hilang kerja) sebanyak RM600 (maksimum 3 bulan)
- Membantu pencarum yang hilang pekerjaan mendapat pekerjaan baru melalui program penempatan semula pekerjaan termasuk bantuan mobiliti
- Meningkatkan kebolehpekerjaan pencarum yang hilang pekerjaan melalui program dan latihan vokasional

20,000 penjawat awam kontrak hilang jejak sejak empat tahun lalu

SABRINA SABRE

INFOGRAFIK SIP

20,000 pekerja kontrak tidak dapat dikesan setelah ditamatkan kontrak

PASTINYA, masyarakat umum tidak menyangka bahawa penjawat awam kontrak boleh kehilangan pekerjaan seperti mana pekerja swasta yang lain.

Ini kerana, dianggarkan lebih 20,000 penjawat awam kontrak kehilangan mata pencarian apabila agensi kerajaan mahupun badan berkanun terpaksa menghentikan kontrak mereka selepas didapati gagal memenuhi syarat ditetapkan.

Melihat situasi sedemikian, Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), **Adnan Mat** mahukan nasib golongan seperti itu dibela.

Susulan itu, beliau menggesa

supaya pihak majikan yang juga agensi kerajaan di setiap sektor mendaftarkan penjawat awam kontrak di bawah skim khusus Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) seperti Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) yang disediakan kepada pekerja swasta.

"Sepanjang tempoh kontrak, setiap majikan diwajibkan membuat pendaftaran dan caruman kepada Perkeso sebagai perlindungan bagi membela nasib mereka apabila berlaku perkara yang tidak diingini seperti kemalangan dan bencana di tempat kerja.

"Saya lihat inisiatif kerajaan menubuhkan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) pada 1 Januari 2018 merupakan satu inisiatif yang baik untuk membantu individu yang kehilangan pekerjaan serta menyediakan bantuan kewangan sehingga mereka menemukan pekerjaan baru," katanya kepada pemberita pada Jumaat.

Menurut Adnan, pihaknya

mendapati, dalam tempoh empat hingga lima tahun, lebih 58,000 penjawat awam kontrak diambil bekerja dan sebahagian daripadanya tidak disambung setelah tamat tempoh.

"Daripada jumlah tersebut, seramai 20,000 penjawat awam telah ditamatkan kontrak manakala selebihnya iaitu 38,000 kakitangan masih dalam perkhidmatan di pelbagai sektor khususnya di bawah sektor kesihatan dan lain-lain," katanya yang turut mencadangkan agar majikan di sektor awam kontrak membuat caruman SIP Perkeso kepada kumpulan terlibat.

Dalam pada itu, Adnan juga mahukan SIP yang diperkenalkan khusus untuk pekerja sektor swasta diperluaskan kepada orang ramai terutamanya kepada penjawat awam dan juga pekerja kontrak.

"Pihak kerajaan perlu memperkenalkan SIP kepada orang ramai khususnya penjawat

awam yang berstatus kontrak kerana mereka juga perlu mencarum di bawah skim Perkeso memandangkan SIP mempunyai manfaat yang sangat luas.

"Mereka juga akan mendapat faedah eluan kewangan seperti Elaun Mencari Pekerjaan (EMP), Elaun Pendapatan Berkurangan (EPB) dan Elaun Bekerja Semula (EBS) untuk melangsung kehidupan setelah kehilangan pendapatan tunggal.

"Jadi sekurang-kurangnya mereka ada sedikit pendapatan dalam tempoh tiga hingga enam bulan sebelum mereka menemui pendapatan atau pekerjaan baharu," tambahnya lagi.



ADNAN MAT



PPIM gesa tindakan perundangan kepada majikan ingkar

MESKIPUN tindakan tegas telah dikenakan kepada para majikan yang gagal mencarum skim keselamatan pekerjaan di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso), namun segelintirnya masih degil dan enggan menjaga kebijakan serta kesihatan pekerja di bawahnya.

Senario ini mendapat perhatian Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), **Datuk Nadzim Johan** yang menggesa majikan untuk lebih bertanggungjawab di samping menganakn denda kepada mereka yang ingkar.

"Tidak ada pilihan lain, kenapa tidak mahu mengambil pilihan ini untuk menyelamatkan keadaan dan saya rasa ia seharusnya dijadikan undang-undang mahupun peraturan yang ketat. Tindakan tegas perlu diambil segera terhadap majikan yang tidak mencarumkan pekerjanya," katanya yang menekankan kepentingan kebijakan dan kesihatan pekerja.

Nadzim berkata, Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) yang



PPIM mahu majikan menjaga kebijakan pekerja kontrak dengan membenarkan mereka mencarum.

diperkenalkan Perkeso dilihat amat membantu individu yang memerlukan terutama di kala pandemik yang mengakibatkan ramai kehilangan pekerjaan termasuk diberhentikan secara paksa.

"Saya rasa SIP ini membantu mereka yang amat memerlukan dan yang menghadapi masalah. Oleh itu, kita amat mengalaukan usaha ini serta berharap mereka (pencarum) dapat dibantu

dan disokong oleh semua pihak yang dapat memberi sumbangan mahupun bantuan bagi meringankan beban yang dilalui," jelasnya yang menyokong inisiatif yang diperkenalkan Perkeso.

Dalam pada itu, Nadzim turut memuji usaha Perkeso dalam menangani isu tuntutan berikutnya tiada lagi aduan diterimanya walaupun isu pekerja diberhentikan sepanjang tempoh pandemik dan Perintah Kawalan

“ PPIM mahu tindakan undang-undang dikenakan kepada majikan yang enggan mencarum pekerjanya.

Pergerakan (PKP) meningkat.

"Dulu-dulu, lebih kurang dalam empat tahun yang lalu ada juga timbul isu mengenai tuntutan kerana orang ramai beranggapan susah nak dapat.

"Tetapi alhamdulillah kebelakangan ini saya tengok perkara itu tidak timbul dan panel-panel yang ada pun memudahkan cara tuntutan yang diminta. Kini, tiada lagi aduan berkaitan diterima," jelasnya yang turut mengucapkan tahniah kepada Perkeso di atas usaha yang sangat baik dan membantu.

Tambahnya lagi, pekerja sendiri juga berhak untuk memohon SIP memandangkan situasi pandemik yang memberi kesan kepada seluruh rakyat Malaysia dan semua individu perlu mengambil kesempatan di atas ruang yang kerajaan berikan sebaik mungkin

kerana ia mampu membantu mempermudahkan urusan tuntutan di kemudian hari.

Jelasnya lagi, selaku pertubuhan bukan kerajaan (NGO), beliau menyokong sepenuhnya SIP yang diperkenalkan Perkeso ini memandangkan ia memberi manfaat besar kepada individu yang hilang pekerjaan.

"Sebelum ini kita pernah mendengar mengenai pekerja kontrak kategori penjawat awam yang setelah tamat kontraknya tidak dapat dikesan. Perkara ini tidak boleh diambil mudah dan sepatutnya daripada awal lagi kerajaan selaku majikan mempunyai rasa tanggungjawab dengan membenarkan pekerja kontrak mencarum bagi menikmati faedah SIP," katanya.

Nadzim turut mencadangkan kepada individu dan majikan untuk melayari laman web Perkeso <https://www.perkeso.gov.my/> atau menghubungi talian khidmat pelanggan Perkeso 1-300-22-8000 bagi mendapatkan maklumat lanjut.

Majlis Perwakilan Pelajar sokong perkenalkan SIP kepada pelajar universiti

SISTEM Insurans Pekerjaan (SIP) telah mewujudkan pelbagai kemudahan untuk membantu dan memelihara kebijakan pekerja-pekerja di sektor swasta yang hilang pekerjaan.

Bukan sahaja kepada pekerja malah pelajar lepasan universiti yang telah meneruskan pekerjaan sebagai pekerja sambilan harian atau lebih dikenali sebagai pekerja kontrak juga perlu diberi peluang untuk menikmati faedah ini.

Pandangan ini disokong oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Utara Malaysia (UUM), **Nur Afifah Fitri Zulkarnain**, 23, yang mengharapkan sistem ini diperkenalkan kepada pelajar universiti lebih awal.

"Saya ada membaca mengenai sistem ini dan bertanya kepada rakan sama ada mereka mengetahui mengenai sistem ini akan tetapi mereka mengakui kurang didekah mengenai kemudahan yang disediakan oleh Perkeso untuk sistem ini.

"Perlu diakui kebanyakan pelajar masih tidak tahu

mengenai kepentingan dan kewujudan SIP lebih-lebih lagi pelajar lepasan universiti.

"Jadi adalah lebih bagus jika ia dapat didedahkan di peringkat awal bagi membantu mahasiswa membuat persiapan sebelum menempuh alam pekerjaan sebenar," katanya yang mengakui SIP membawa banyak kebaikan kepada pelajar lepasan universiti.

Afifah turut menekankan mahasiswa perlu mencari inisiatif sendiri dalam menyiapkan diri sebelum menempuh alam pekerjaan sebenar dengan mengambil tahu mengenai perlindungan pekerjaan yang disediakan oleh kerajaan dan juga syarikat.

Berkongsi pandangan yang sama, **Muhammad Hafizuddin Mohd Faisal**, 23, mencadangkan Perkeso menambah baik polisi sedia ada buat pekerja awam kontrak.

"Kebanyakan pelajar lepasan universiti diambil bekerja sebagai pekerja kontrak jadi saya rasa Perkeso perlu mengkaji semula polisi terutama berkenaan pekerja

awam kontrak bagi menjamin hak perlindungan mereka.

"Pekerja kontrak juga adalah pekerja. Saya harap majikan tidak membezakan kemudahan dan elauan perlindungan di antara pekerja tetap dengan golongan ini kerana mereka juga sepatutnya diberi perlindungan," jelas MPP Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam itu.

Tambahnya lagi, pihak universiti juga perlu mengambil langkah proaktif dengan mewujudkan kerjasama bersama Perkeso bagi memberi penddedahan di peringkat universiti.

"Saya rasa jalan terbaik, Unit Bimbingan dan Kaunseling di semua universiti boleh berkerjasama dengan pihak Perkeso untuk menganjurkan bual bicara mengenai kepentingan Perkeso di alam pekerjaan," jelasnya.

Hafizuddin turut menegaskan, barisan MPP menyokong sepenuhnya SIP yang diperkenalkan oleh Perkeso ini selagi mana ia mendatangkan manfaat kepada golongan mahasiswa.

YWP akan perkasakan SIP Perkeso kepada kakitangan

HAZIRAH HALIM

KEBAJIKAN pekerja diibaratkan sebagai tunjang utama yang perlu dipelihara dan dijaga sebaiknya tidak kira pekerja tetap mahupun pekerja sambilan harian atau kontrak di pelbagai sektor.

Justeru itu, Yayasan Wilayah Persekutuan memainkan peranan untuk membantu memberi perlindungan serta elauan kepada pekerja kontrak yang tidak mempunyai sebarang perlindungan insurans seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerjaan (KWSP), Elauan Perubatan melalui skim baharu di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) iaitu Sistem Insurans Pekerjaan (SIP).

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif YWP, **Datuk Zaizalnizam Zainun**, setiap syarikat harus mengetahui bahawa kebijakan pekerja perlu merangkumi perbuatan, insuran dan bayaran KWSP dengan melibatkan seluruh kakitangan sama ada pekerja kontrak dan pekerja tetap atau pekerja yang dilantik melalui lantikan tetap.

"Seperti yang diketahui, pekerja kontrak ini tidak mempunyai sebarang perlindungan lebih-lebih lagi buat mereka yang tidak mempunyai sebarang pengalaman bekerja atau bekerja berdasarkan 'kontrak' atau dalam tempoh tertentu dan pada bila-bila masa sahaja kontrak mereka akan ditamatkan atau diteruskan.

"Jadi, bagi saya mereka seharusnya

diberi bantuan kewangan dan perlindungan seperti insurans bagi memastikan perlindungan terhadap kakitangan yang bertugas sentiasa berada dalam keadaan sihat dan mampu menjalankan tugas yang telah diamanahkan sebaiknya," tegasnya.

Katanya lagi, terdapat lebih 50 kakitangan yang mana antaranya terdiri daripada pekerja kontrak pekerja harian dan juga lantikan tetap yang layak menerima semua kelebihan di bawah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) YWP.

Mengulas mengenai bantuan yang diberikan kepada peniaga dan penaja kecil, beliau berkata, YWP telah menyediakan Skim Mikro Kredit serta kita juga sediakan pinjaman susulan daripada pengenalan SIP di dalam serta memberi perlindungan Perkeso untuk membantu meringankan beban peniaga.

Katanya lagi, YWP juga dalam tempoh pertimbangan untuk memastikan penerima-penerima menerima bantuan atau Skim Mikro Kredit ini mencarum di bawah SIP Perkeso bagi menjamin masa hadapan mereka.

"Semua kakitangan YWP telah mencarum di bawah Perkeso. Sememangnya skim ini amatlah baik dan di peringkat Wilayah Persekutuan kami dalam perancangan untuk memastikan caruman di bawah SIP Perkeso ditambah baik dan didekah kepada ramai orang," jelasnya.



ZAIZALNIZAM



Sambutan Hari Sukan Negara Peringkat Wilayah Persekutuan

“Lebih murah jaga sihat dari jaga sakit”



AMIN FARID HASAN

SUKAN adalah aktiviti fizikal yang dilakukan untuk pelbagai tujuan antaranya keseronokan, pertandingan, sosial, melatih kemahiran dan juga rekreasi. Jika mahu hidup sihat, bersukanlah walaupun hanya seminggu sekali. Ia bukanlah paksaan kepada individu.

Hari Sukan Negara 2021 (HSN2021) mula diperkenalkan pada tahun 2015 yang disambut pada minggu kedua bulan Oktober setiap tahun dan dilaksanakan secara serentak seluruh Negara.

Pada 9 Oktober yang lalu, Kementerian Wilayah Persekutuan turut bersama menyertai Majlis Pelancaran Hari Sukan Negara yang dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail

Sabri Yaakob secara langsung di atas talian visual.

Sempena sambutan Hari Sukan Negara bagi Peringkat Wilayah Persekutuan, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr. Shahidan Kassim turut merasmikan secara serentak bersama 100 program dan aktiviti sukan bagi memeriahkan aktiviti.

Usai pelancaran #HSN2021 sebentar tadi, Shahidan bersama Timbalan Menteri KWP Datuk Seri Jalaludin Alias dan pegawai-pegawai kanan Kementerian telah berjalan sejauh 3km dari Menara Seri Wilayah ke kawasan sekitar Tasik Putrajaya dan Taman Wawasan.

Sepatah kata-kata Shahidan yang ringkas dan padat “Lebih murah jaga sihat dari jaga sakit”. **WK**

BERITA LANJUT MUKA 22





SHAHIDAN Kassim bersama Jalaluddin Alias (tiga dari kiri) berjalan kaki sejauh tiga kilometer selepas Majlis Pelancaran Hari Sukan Negara Peringkat Wilayah Persekutuan.



Ada ketika rasa lemah semangat, **YonnyBoii bangkit**



DEEL ANJER

PENYANYI dan komposer remaja yang semakin digilir ramai, YonnyBoii mengaku turut terkesan seperti orang lain sejak pandemik COVID-19 melanda negara.

Menurut pemilik nama sebenar Muhammad Haqeem Nuriman Nor Azrin, 23, dia tidak terlepas dihantui perasaan negatif apabila tiada tawaran nyanyian sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Saya juga cuba mengimbangi hal fizikal dan mental sebaik mungkin. Ada ketikanya rasa lemah semangat itu menerpa. Tapi saya cuba untuk tidak terlalu larut dengannya."

"Masa 'down' itu macam-macam dalam fikiran. Termasuk bagaimana nak teruskan kelangsungan hidup apabila tiada tawaran kerja, namun saya percaya rezeki itu ada dengan izin-Nya."

"Saya pun menyara keluarga. Adik nombor dua pun tinggal dengan saya. Tiga lagi adik tinggal dengan keluarga," katanya yang terus bangkit apabila muncul dengan karya terbaharu.

Selaras tampil dengan album mini berjudul Yonny hujung tahun lalu, pelantun lagu Sakit ini turut melancarkan album penuh pada 8 Oktober baru-baru ini.

Album yang diberi judul Yonny (Deluxe Version) itu menghimpunkan sembilan karya daripada album mini terdahulu selain dua lagu baharu sebagai trek bonus iaitu Tak Sangka dan Angel.

Bagi lagu Tak Sangka, Yonnyboii tidak keseorangan. Sebaliknya berkolaborasi dengan ZynAkal dan Asyraf Nasir sebagai komposer dan penyanyi.

Diaju mengenai keberanian tampil dengan album di era pandemik COVID-19, anak sulung daripada lima beradik itu tidak melihat ia sebagai sesuatu yang pelik.

"Tak sangka sebenarnya daripada album mini ke penuh

ini, saya melancarkannya di era pandemik. Bagi saya ia bukan satu kesalahan mandatori. Malah di saat ini muzik kekal jadi terapi buat kita semua. Ramai yang terus mendengar muzik, selain menonton pelbagai medium hiburan.

"Saya tak kisah melawan arus. Jika ada artis yang berkira-kira nak lancarkan album, kenapa tidak saya melakukannya. Saya selesa mencabar diri melawan arus kebiasaan."

"Selama ini pun saya sering dilihat 'unik'. Sekurang kurangnya saya ada kenangan melancarkan album pada waktu sebegini," katanya lagi.

Yonnyboii percaya, biarpun perlu menunggu tiga tahun untuk muncul dengan album penuh, itu tidak pernah melunturkan semangatnya.

"Saya percaya penantian itu sangat berbaloi. Tak perlu tergesa-gesa. Andai tiba waktunya, pasti kesempatan itu akan 'mendarat'."

"Jujur sejak awal fasa pembabitan seni lagi, saya mendambakan album penuh.

Tapi saya ikut saja peredaran masa dan kesesuaian yang mana lagu single demi single dilancarkan. Itu juga 'trend' pemasaran yang diguna pakai syarikat rakaman," katanya.

Kata artis kelahiran Perak itu, dua buah lagu baharu itu masing-masing disiapkan pada awal tahun 2020 dan Ogos lalu.

"Tak Sangka sebenarnya idea saya, ZynAkal dan Asyraf sebelum pandemik datang. Lagu Angel pula, ilham saya terlintas tiba-tiba mengenai gambaran seorang bidadari.

"Ikutkan saya ada lagi banyak karya yang terperam. Hanya menunggu masa sesuai untuk dikongsi saja. Macam tahun lalu, saya boleh kata agak aktif melancarkan single demi single.

"Tapi tahun ini, langkah sama tak boleh diteruskan. Pandemik ini ternyata memberikekangan dan ia di luar kawalan. Ikutkan nak lancarkan sesuatu yang lagi besar tahun ini. Nampak gayanya kena simpan ke tahun depan," katanya.



YONNYBOII

yang mengimpikan mahu muncul dalam konsert berskala besar.

"Kerinduan nak buat persembahan dengan khayalak ramai hingga kini terus membuat buak. Tapi semua itu masih samar dengan keadaan kes harian COVID-19 yang turun naik.

"Begitu juga dengan impian mengadakan konsert yang belum menjadi kenyataan. Besar harapan saya agar keinginan itu dapat direalisasikan," tambahnya lagi.

Album Yonny (Deluxe Version) boleh didengarkan di semua pelantar penstriman digital seperti Spotify, Apple Music, Joox, KKBOX, Deezer dan YouTube Music.

Yassin Senario kembali bersemangat selepas pandemik COVID-19

RAMAI peminat yang merindui aksi komedi Yassin Yahya, 43, yang mengaku teruja untuk muncul di kaca televisyen setelah dua tahun tiada tawaran berlakon akibat pandemik COVID-19.

Yassin yang juga anggota kumpulan Senario ini akan muncul dalam sebuah sitkom di TV9.

Menurutnya, sejak pandemik bermula dia hanya berada di Johor dan menubuuhkan produksi sendiri iaitu Yasstar Production untuknya bergerak.

"Semasa PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) saya melakukan aktiviti ulasan produk membantu usahawan yang baru nak naik dan belum ada platform.

"Jadi saya bersama mereka saling membantu antara satu sama lain. Bayaran yang dikenakan saya pun mengikut harga PKP juga yang dikategorikan mampu milik dan kasih sayang.

"Alhamdulillah, sehingga kini hampir 50 produk termasuk gerai, produk sendirian dan mereka yang memperkenalkan kedai dapat dibantu mengikut pengalaman yang saya ada.

"Semuanya dikongsi di Instagram sehingga bulan lepas saya disahkan positif COVID-19 dan kena kuarantin selama 20 hari.

"Dari situ juga datangnya ilham untuk saya buat panggilan video

kepada anggota Senario yang lain. Dalam video itu saya terfikir kenapa tak buat sesuatu sebelum Senario muncul semula sempena 25 tahun ditubuhkan.

"Jadi kami wujudkan platform Sembang Santai bersama dengan ahli Senario yang lain. Kami ada saluran sendiri iaitu Senario Reunion di YouTube," ujar Yassin ketika ditemui dalam majlis sidang media Pembukaan Semula Kafe Sudirman, di Hotel EDC, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Turut bersamanya mengadakan persembahan ialah Saiful Apek dan Ain Sufia.

Dalam masa sama, Yassin berharap para peminat kembali menyokong

Senario.

Sebagai permulaan, peminat boleh berhibur melalui program Sembang Santai (di YouTube Senario Reunion) bersiaran setiap Sabtu dari pulak 10 hingga 12 malam.

"Saya mengharapkan peminat yang belum tahu agar mengikuti saluran ini. Kami akan buat kemunculan semula menerusi program sitkom di TV9.

"Sekiranya jadi, ia satu bonus buat kami. Program di saluran itu kami memang akan ada setiap minggu. Ia membabitkan semua ahli Senario termasuk Ilya dan Hamdan," katanya teruja untuk kembali beraksi di kaca televisyen.



YASSIN



INDUSTRI seni kembali aktif.

Industri seni kembali 'bernafas'

INDSUTRI kreatif tempatan hampir lumpuh apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan akibat pandemik COVID-19.

Namun, satu berita gembira buat penggiat seni apabila syarikat produksi terkemuka Asia Pasifik, Tremendous Entertainment dan Zebra Studio Sdn Bhd membuka peluang kepada kira-kira 1,000 pelakon dan kru produksi untuk menghasilkan 12 filem dalam tempoh 24 bulan dengan pelaburan bernilai RM100 juta.

Secara purata RM5 hingga RM10 juta akan dibelanjakan untuk membuat setiap filem bergantung pada keperluan produksi filem tersebut. Secara keseluruhan, anggaran jumlah pelakon yang diperlukan adalah 120 pelakon

daripada 12 filem tersebut sementara dianggarkan 600-800 anggota kru produksi akan terlibat sepanjang produksi kesemua 12 filem.

Menurut Pengasas dan Pengarah Zebra Studio Saraleana Nattaya Azmi, peluang yang diberikan adalah terbuka kepada semua penggiat seni.

"Semua orang dalam industri hiburan berpeluang untuk menyertai sebahagian daripada 12 filem bergantung pada keinginan mereka untuk berlakon dan ikut watak yang dihendaki."

"Sesiapa sahaja berpeluang untuk mencuba terutamanya pelakon baharu yang sedang mencari kejayaan kerjaya dalam industri hiburan."

"Pelakon veteran dan popular juga berpeluang mengembangkan karier

lakonan mereka ke pasaran antarabangsa dalam 12 filem ini," katanya yang berharap gabungan Zebra Studio dan Tremendous Entertainment boleh membantu merancakkan semula industri kreatif.

12 filem ini akan terdiri daripada pelbagai genre seperti komedi, aksi, drama, percintaan, filem berkala dan banyak lagi.

Bergantung pada jenis watak yang pelakon audisi untuk mereka berpotensi untuk membentangi 3 filem berterusan. Setiap penggambaran akan dibuat dalam jangka masa 20 hingga 35 hari setiap filem.

Sesiapa yang berminat boleh layari @zebrastudiomy di Facebook dan Instagram sebagai rujukan buat semua.

Inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi

Melahirkan pelajar berjiwa usahawan

TS. DR. ISMAHAFEZI ISMAIL &
DR. FAZIDA KARIM

UNIVERSITI Sultan Zainal Abidin (UniSZA) merupakan sebuah universiti yang komprehensif terdiri daripada pelbagai bidang pengajian seperti teknologi, sains sosial, sains perubatan, kesihatan, farmasi, perniagaan, perundangan, biosumber dan makanan. Terdapat 3 kampus utama iaitu Kampus Gong Badak, Kampus Tembilahan dan Kampus Perubatan. Fasiliti dan ekosistem keusahawanan menjamin kepada kejayaan usaha untuk membudayakan dan seterusnya membangunkan usahawan di kalangan pelajar. Ianya selaras dengan nilai teras keusahawanan dan nilai teknousahawan UniSZA.

Putus Kerjaya, Teknousahawan dan Jaringan Pintar (PaKaT) UniSZA merupakan pusat tanggungjawab untuk mempromosi dan mempengaruhi warga serta persekitaran UniSZA bagi mempraktikkan dasar-dasar berkaitan keusahawanan bagi mencapai Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (PTK-IPT 2021-2025) yang telah dilancarkan oleh YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad Menteri Pengajian Tinggi. Visi PaKaT adalah untuk menjadi pusat rujukan dalam pembangunan kerja, teknousahawan dan jaringan pintar berdasarkan visi universiti.

Manakala misi PaKaT adalah untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan dan ekosistem teknousahawan menerusi kolaborasi jaringan industri dan masyarakat. Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (PTK-IPT 2021-2025) telah menggariskan tiga (3) teras utama sebagai rangka kerja pelaksanaan.

PERTANDINGAN KEUSAHAWANAN

Pandemik COVID-19 tidak menghalang PaKaT untuk mendedahkan ilmu dan menyebarkan minda keusahawanan kepada warga UniSZA. Pelbagai pertandingan dan program



MENTERI Pengajian Tinggi Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, (tiga dari kiri) bersama bakal peserta TUBE@IPT 2021 dari Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

keusahawanan telah disertai oleh warga UniSZA. Antara pertandingan keusahawanan yang dilaksanakan dan disertai adalah Business Model Canvas (BMC) Pitching, Mudapreneur@HE dan pelbagai bengkel pemasaran digital menggunakan platform YouTube, Instagram, Facebook dan Shopee.

Selain itu, aktiviti pendedahan keusahawanan dilakukan secara dalam talian kepada warga UniSZA seperti bermula gaya Rasulullah, forum survival mahasiswa, *Business Talk: Zero to profit, Empowering UniSZA FoodMuda Preneur* dan sebagainya.

Untuk tahun 2020, PaKaT telah melaksanakan 25 aktiviti keusahawanan dan 5 dana program keusahawanan diperolehi warga UniSZA dan aktiviti keusahawanan ini semakin bertambah untuk tahun 2021. Program yang dilaksanakan kepada warga UniSZA mendapat kerjasama dari pihak yang berkepentingan dalam bidang keusahawanan seperti Syarikat Suruhanjaya Malaysia (SSM), Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Tekun dan lain-lain.

PaKaT turut menganjurkan UniSZA Preneur (UP 2021) yang bertujuan meningkatkan keterlibatan pelajar dalam bidang keusahawanan dan

inovasi serta mengenalkan produk yang berpotensi yang dihasilkan oleh pelajar. Pelajar perlu menghasilkan inovasi berdasarkan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang dipilih. Terdapat dua tema inovasi yang dipertandingkan di UP 2021 iaitu inovasi berdasarkan teknologi dan inovasi berdasarkan perkhidmatan.

Inovasi berdasarkan teknologi memfokus kepada syarikat yang ditubuhkan oleh pelajar yang menjalankan perniagaan berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi, manakala inovasi berdasarkan perkhidmatan dan produk menawarkan perkhidmatan bagi membantu menyelesaikan masalah atau meningkatkan prestasi dan produktiviti usahawan atau syarikat lain. UP 2021 akan dilaksanakan secara dalam talian melibatkan bootcamp selama 2 hari dan pertandingan.

KEMAHIRAN INSANIAH

Aktiviti yang dijalankan semasa bootcamp adalah melibatkan kemahiran insaniah pelajar seperti komunikasi dan kerjasama berkumpulan, kaedah penghasilan idea, kaedah pembentangan dan kemahiran pemasaran dan perniagaan. Pertandingan pitching UP 2021 dilaksanakan kepada semua pelajar yang menyertai Bootcamp UP.

Kementerian Pengajian Tinggi telah mengatur pelbagai aktiviti keusahawanan bagi membentuk kemapanan fikiran warga IPT untuk berminda keusahawanan bagi merealisasikan ekosistem keusahawanan bersinergi, kolaborasi berimpak tinggi dan inovasi dan teknologi dalam keusahawanan. Kesemua program dan aktiviti keusahawanan yang berimpak dijalankan adalah selaras dengan teras utama dalam rangka Pelan Tindakan Keusahawanan IPT.

Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE@ IPT) dilaksanakan oleh SME



NORAINI (dua dari kanan) bergambar bersama pelajar menjalankan perniagaan tulisan khat dalam lawatannya ke UniSZA baru-baru ini.

Corporation Malaysia dengan kerjasama lapan (8) IPT termasuk UniSZA merupakan salah satu usaha ke arah memanifestasikan fikiran keusahawanan kepada graduan IPT.

Program TUBE@IPT merupakan usaha sama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertujuan memupuk semangat keusahawanan di kalangan siswa dan graduan, menggalakkan bidang keusahawanan kepada

bakal graduan serta meningkatkan minat di kalangan siswazah dan graduan untuk menceburi bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan.

Malahan, latihan keusahawanan (TOT) turut diberikan kepada kakitangan IPT yang terlibat. Warga UniSZA yang didedahkan dan dilatih dengan aktiviti keusahawanan sebelum ini, dapat digilap dengan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan terkini melalui program TUBE@IPT supaya menjadi warga IPT yang holistik dan berdaya saing.



PELAJAR UniSZA yang mengusahakan jualan buku dan kitab.

YURAH PERCUMA!!
Tarikh TUTUP
5 Oktober 2021

Pendaftaran
<https://bit.ly/uniszapreneur2021>

Maklumat Lanjut
<https://bit.ly/uniszapreneur2021>

Sebarang pertanyaan boleh hubungi:
Dr. Norhlimi (norhlimi@unisia.edu.my) | En. Adi Alifuddin (011-19295072) | En. Luqman (018-3772426)

Agensi PUSAT KERJAYA, TEKNOUSAHAWAN DAN JARINGAN PINTAR (PaKaT)

2 KATEGORI

- JUARA RM1000.00
- NAIB JUARA RM700.00
- TEMPAT KETIGA RM500.00
- SAGUHATI RM250.00 x 2

08&09 Oktober 2021
BOOTCAMP

30 Oktober 2021
PERTANDINGAN UP 2021
(SEPARAH AKHIR)

19&20 November 2021
PERTANDINGAN UP 2021
(AKHIR)

05 Oktober 2021
PENDAFTARAN KUMPULAN

22 Oktober 2021
SESI BERSAAMA MENTOR

07 November 2021
SESI BERSAAMA MENTOR

Lima idea menu eat clean ringkas



SABRINA SABRE

MENCARI menu eat clean yang boleh dicuba? Kami yakin pasti ada di kalangan pembaca yang ingin berdiet secara sihat. Semestinya anda akan mulakan diet sihat anda dengan menikmati menu eat clean yang keberkesanannya tidak diragui lagi.

Kekeringan idea memikirkan resipi? Jangan risau, berikut Wilayahku senaraikan lima idea menu eat clean untuk anda cuba. Selamat mencuba! **WK**

Clean Roll

BAHAN-BAHAN

Isi ayam
Udang
Daun ketumbar
Cili api
Bawang
Tauhu
Lobak merah
Kubis

CARA PENYEDIAAN

1. Menggunakan pemproses makanan, kisarkan semua bahan kecuali kubis, udang dan lobak.

2. Masukkan lobak untuk dicarik halus ke dalam pemproses makanan. Gaulkan bersama bahan kisar lain.
3. Leraikan kubis dan letakkan bahan-bahan kisar bersama isi udang di atasnya. Balutkan.
4. Ulang langkah 3 sehingga kubis dan bahan kisar habis digunakan.

5. Kukus selama 2-5 minit.
6. Potong kepada dua bahagian.
7. Sedia untuk dihidang.



Kerabu Ayam Tomato

BAHAN-BAHAN

Isi ayam direbus empuk dan dicarik
Bawang dihiris
Cili padi digunting
Limau nipis/limau kasturi
Sedikit air asam jawa
Tomato dipotong dadu
Garam dan gula

CARA PENYEDIAAN

1. Gaulkan semua bahan-bahan di atas sehingga sebati.
2. Sedia untuk dihidang.

Umai Ayam

BAHAN-BAHAN

Dada ayam
Sayur-sayuran

BAHAN UNTUK TUMBUK

2 tangkai cili padi
2 ulas bawang putih
Lemon diperah
Limau nipis diperah
Hirisian bawang merah
Daun limau purut

CARA PENYEDIAAN

1. Rebus dada ayam sehingga pecah minyak.
2. Kemudian, celur sayur-sayuran dalam air rebusan ayam.
3. Carik-carikkan isi ayam dan masukkan ke dalam bahan tumbuk. Gaulkan dengan lesung sehingga sebati.
4. Sedia untuk dihidang.



Bebola Ayam Kentang Pedas

BAHAN-BAHAN

Kentang dipotong dadu

BAHAN KISAR

Ketumbar
Jintan manis
Lada hitam
Isi ayam

BAHAN HIRISAN

Bawang
Daun bawang
Daun limau purut
Cili

CARA PENYEDIAAN

1. Lumatkan kentang menggunakan lesung batu.
2. Gaulkan kentang bersama bahan kisar dan bahan hirisian.
3. Bentukkan menjadi bebola.
4. Panggang di atas pemanggang ajaib menggunakan api sederhana untuk beberapa minit.
5. Sedia untuk dihidang.



Wanpaku Avokado Balut

BAHAN-BAHAN

2 keping Canadian purple wheat
1 sudu kecil mayones Kewpie
1 sudu kecil sambal eat clean
1 sudu besar yogurt Greek
Salad merah gelap dan hijau
Sos
Lobak
Telur mata
Kubis ungu
Avokado

CARA PENYEDIAAN

1. Sebatikan semua bahan dan sapu di kedua-dua wrap.
2. Bungkus padat-padat untuk setiap bahagian supaya kemas.
3. Balutkan dengan pembalut plastik.
4. Potong menggunakan pisau yang tajam.
5. Sedia untuk dihidang.

Keluarga Malaysia – air dicencang tiada putus



**AB JALIL
BACKER**

Pengalisa Politik


PRA PELANCARAN
Kempen Keluarga Malaysia yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob baru-baru ini menandakan bermulanya satu usaha mengembalikan kegemilangan dan kemakmuran negara ini yang telah terjejas teruk akibat pandemik koronavirus 2019 (COVID-19).

Ada banyak peribahasa yang menunjukkan pendekatan keluarga secara psikologi dan sosiologi manusia akan sentiasa memberi pengakhiran yang positif.

Dalam budaya Inggeris peribahasa *blood thicker than water* telah wujud sejak zaman pertengahan (*medieval*). Pada zaman gasar dan kasar Inggeris pun ikatan kekeluargaan akan selalu lebih kuat daripada hubungan lain termasuk persahabatan atau cinta.

Dalam bahasa Melayu kita akan bertemu dengan beberapa peribahasa yang menunjukkan kepentingan dan positiviti istilah keluarga ini. Antaranya ialah ‘air dicencang, tiada putus’. Ini membawa maksud hubungan kekeluargaan tidak akan putus dengan kemunculan krisis sesama ahli keluarga.

Malahan peribahasa yang



PRAPELANCARAN Keluarga Malaysia pada 8 Oktober lalu bersamaan 1 Rabiul Awal 1443H, bulan kelahiran Muhammad S.A.W memberi isyarat bahawa kerajaan ini walaupun dipimpin oleh orang Islam akan menjaga hak dan kebaikan semua rakyat.

lebih ekstrem menggambarkan kepentingan ikatan kekeluargaan ialah peribahasa ‘Sebusuk-busuk daging dikincah, dimakan juga’. Peribahasa ini menggambarkan keadaan orang Melayu yang mudah memaafkan ahli keluarga yang membuat salah berbanding orang di luar pertalian darah.

Ada peribahasa Cina yang menggambarkan keeratan ikatan keluarga seperti *dàng máfan láilín, jirén hui giyú nzhchí* yang bermaksud ‘ketika zaman sukar, keluarga anda akan membantu’.

Ahli falsafah Cina, Confucius, meletak nilai yang tinggi kepada konsep kekeluargaan. Antara petikan popular, ‘*The strength of a nation derives from the integrity of the home.*’

Dalam falsafahnya juga Confucius meletakkan nilai kekeluargaan antara aturan penting masyarakat – “*to put the world in order, we must first put the nation in order; to put the nation in order, we must first put the family in order; to put the family in order, we must first cultivate our personal life; we must first set our hearts right.*”

Saya memetik peribahasa dan falsafah beberapa tamadun ini kerana kedua-duanya wujud hasil pemerhatian ke atas perilaku manusia sejak ratusan dan ribuan tahun. Pemerhatian dan kewujudan peribahasa dan falsafah ini merupakan bukti nilai kekeluargaan adalah sesuatu yang telah utuh dan diuji oleh pelbagai zaman.

Justeru pemilihan konsep

keluarga sebagai manifestasi pentadbiran Ismail Sabri menggambarkan beliau mengharapkan semua rakyat berganding bahu memulihkan negara ini – seperti mana kita sama-sama membantu ahli keluarga berdasarkan pertalian darah dan keturunan.

Perdana Menteri menyatakan pendekatan Keluarga Malaysia ini harus bersifat inklusif merentasi fahaman politik, kaum dan agama. Ia harus mendakap erat prinsip kebersamaan bagi memastikan kesejahteraan rakyat dan keamanan negara kekal terjamin.

“Konsep dan pendekatan Keluarga Malaysia bukanlah sesuatu yang sukar untuk dihadam, kerana ia sebenarnya berlandaskan nilai-nilai sedia ada yang kita miliki dalam setiap keluarga. Apa yang dilakukan kerajaan adalah mengharmoni dan mengangkat nilai-nilai ini sebagai panduan mengukuhkan lagi kekuatan Malaysia, dengan keunikan pelbagai agama, bangsa dan kaum.”

Perdana Menteri juga memberi gambaran Keluarga Malaysia ibarat sepohon pokok, akar Keluarga Malaysia bertunjangkan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Manakala batang dan ranting menjulang kukuh nilai-nilai Keluarga Malaysia, yang kemudian membawa hasil seperti daun, bunga dan buah yang subur dan inayahnya, memanfaatkan rakyat.

Kembangannya sebahagian masyarakat Melayu bahawa konsep

Keluarga Malaysia akan menghakim kedudukan bumiputera dan agama Islam juga tidak tepat. Seperti diumumkan kesemua nilai Keluarga Malaysia adalah berpaksikan Rukun Negara yang antara lain menjamin Keluhuran Perlembagaan.

Sama ada kebetulan atau dirancang, penampilan konsep pada hari Jumaat yang bersamaan dengan 1 Rabiulawal 1443H, bulan kelahiran Muhammad S.A.W memberi isyarat signifikan bahawa kerajaan ini walaupun dipimpin oleh orang Islam akan menjaga hak dan kebajikan semua rakyat.

Jika dibaca catatan sejarah dunia, Muhammad adalah antara pemimpin dunia yang bersikap adil dan menjaga hak orang bukan Islam dalam pentadbirannya sama seperti hak orang Islam.

Walau apapun perbincangan dan analisa mengenai konsep Keluarga Malaysia, dalam pemikiran mudah Perdana Menteri ialah kita semua rakyat Malaysia harus menyayangi antara satu sama lain, dan saling bekerjasama bagi memulihkan negara ini yang telah terjejas teruk akibat pandemik COVID-19.

Hanya keluarga besar ini mampu memulihkan negara. Ibarat sebatang lidi penyu yang akan mudah dipatahkan jika bersendirian, namun mampu membersihkan kawasan seluas mata memandang jika dikumpul menjadi seberkas penyu.

Demikianlah kemampuan negara ini untuk kembali pulih bergantung kepada kita setiap ahli Keluarga Malaysia.

Bayi bergelut dapatkan status warganegara Malaysia



IVONE LOW
WANITA MUDA MALAYSIA

PADA bulan Disember 2020, seorang wanita Malaysia melahirkan rasa kekecewaan apabila sistem sedia ada negara ini tidak memihak kepada dirinya bagi mendapatkan taraf kewarganegaraan untuk anak perempuannya. Katanya, anaknya itu dilayan seperti rakyat asing apabila dicaj dengan harga yang mahal apabila melawat ke tempat pelancongan dan klimaks daripada kisah itu terjadi apabila beliau perlu melalui proses pendaftaran sekolah yang sukar dengan setiap urusan berlaku di lokasi berbeza.

Ada beberapa orang lagi wanita Malaysia yang melahirkan kekecewaan berhubung isu yang sama. Perkara itu telah mendapat

perhatian golongan wanita di negara ini kerana merasakan diri mereka didiskriminasi.

Wanita MCA antara pihak yang lantang bersuara mengenai isu kerakyatan ini. Mereka turut memberi cadangan agar undang-undang berhubung masalah pewarisan kerakyatan ini dapat dipinda, supaya anak-anak yang dilahirkan di luar negara oleh ibu berstatus warganegara boleh mewarisi kewarganegaraan secara automatik.

Mengikut undang-undang sedia ada, jika anak dilahirkan di luar negara dan bapanya warganegara Malaysia, anak itu menjadi warganegara secara automatik mengikut Artikel 14 Perlembagaan Persekutuan. Sebaliknya, jika ibunya seorang warganegara, beliau perlu memohon kepada Jabatan Pendaftaran Negara mengikut Artikel 15 (2), dan belum tentu ia diluluskan.

Pada 9 September lalu, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur memutuskan bayi yang lahir di luar negara oleh ibu warga Malaysia dan pasangan rakyat asing, berhak mendapat kerakyatan negara ini secara automatik.

“Pada 9 September lalu, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur memutuskan bayi yang lahir di luar negara oleh ibu warga Malaysia dan pasangan rakyat asing, berhak mendapat kerakyatan negara ini secara automatik.”

Keputusan itu pastinya memberi nafas lega kepada ibu-ibu Malaysia yang melahirkan anak di luar negara kerana peluang anak-anak mereka mendapatkan kerakyatan bakal tercapai. Namun, ‘disangka panas hingga ke petang, rupanya hujan di tengah hari’.

Kegembiraan yang ingin diraikan itu ‘terbantut’ apabila Peguam Negara membuat rayuan berhubung keputusan yang telah dibuat. Keputusan tersebut sekali lagi menarik perhatian rakyat Malaysia termasuk Ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang serta Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar.

Sultan Johor bertitah, perkara tersebut adalah hak asasi setiap

anak yang dilahirkan tidak kira ibu atau bapanya warganegara Malaysia dan mengapa ibu warganegara ini yang melahirkan anak di luar negara perlu lalu diskriminasi?

Saya pasti ramai diantara kita mempunyai pandangan tersendiri mengenai isu kerakyatan ini. Ada yang berpendapat ia tidak sepatutnya diberikan kerana ia melibatkan Perlembagaan Negara dan ada juga yang berpendapat sebaliknya.

Adakah keputusan yang dibuat ini akan memberi kesan yang baik kepada negara untuk jangka masa panjang? Benarkah kaedah ini hanya menguntungkan golongan hartawan yang gemar berkahwin dengan orang luar negara, tetapi tiada jati diri dan semangat kenegaraan?

Saya pasti, jika perkara ini dibahaskan di Parlimen, banyak lagi pandangan dan buah fikiran yang akan dilontarkan oleh ahli-ahli Parlimen di negara ini. Ketika itu, barulah boleh diputuskan sama ada Perlembagaan Negara berkaitan kewarganegaraan ini boleh dipinda atau sebaliknya.

Saya juga pasti Peguam Negara yang memfailkan rayuan

terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mempunyai alasan yang kukuh mengenainya. Kita jangan mudah berprasangka terhadap pihak lain. Setiap apa yang pihak kerajaan lakukan, pastinya mempunyai kebaikan untuk rakyat mereka.

Apa yang penting, tiada Perlembagaan Negara tidak boleh dibelakangkan kerana ia turut melibatkan soal kedaulatan negara. Jika gagal, tidak mustahil negara ini akan menjadi kucar-kacir dan banyak perkara yang akan dipertikaikan kelak.

Kita mengharapkan kerajaan akan mendapat mekanisma yang terbaik untuk menyelesaikan isu ini, biarlah keputusan yang diambil itu tidak membebankan mana-mana pihak dan memberi kebaikan buat semua.

Suka juga saya ingin mengingatkan kepada netizen di luar sana untuk tidak sewenang-wenangnya meninggalkan komen atau tuduhan yang tidak berasas di media sosial, kerana prosedur untuk isu ini masih sedang dijalankan, dan berikan ruang kepada pihak berwajib menjalankan tugas mereka.



KU SEMAN KU HUSSAIN
Wartawan Bebas

PADA tahun-tahun lewat 1970-an hingga awal 1980-an di Perlis, adakalanya hujan yang mencurah-curah membawa isyarat yang kurang baik, kemungkinan berlaku banjir di sawah. Musim Monsun Barat Daya biasanya membawa hujan yang luar biasa – lebat dan jangka masanya lama. Musim ini selalunya padi tengah menguning dan runduk tanda hampir masak, tidak lagi memerlukan hujan.

Pertambahan air dalam petak sawah menjadi perangkap pada pokok padi yang rebah ketika hujan dan ribut. Padi akan rosak apabila terendam semalam, menjadi santapan ikan lampam.

Melihat jurai air yang mengalir dari cucur atap memang mempesona, biarpun rasa sedikit terkepung. Selalunya saya akan berteleku di muka pintu atau bertenggek di atas tangga kayu. Memang melekakan apabila berlama-lama menikmati dingin hujan dan deru angin barat yang galak.

Saya orang kampung daripada keluarga pesawah. Bencana yang memeritkan keluarga saya – padi yang sedang masak ditenggelami air dan rosak. Air mata ibu mengalir melihat tangki padi menyembah bumi. Itulah nyawa kami sekeluarga – sebidang sawah seluas lima relung (lebih kurang tiga ekar).

Semua ingatan itu menjadi basah setiap kali hujan mencurah-curah waktu saya keseorangan di tengah kota pada tahun-tahun awal sekitar 1984 dan 1985. Hujan seolah-olah membawa saya kembali ke perdu kenangan waktu di kampung yang berjarak 500 kilometer dari Kuala Lumpur.

Di Kuala Lumpur saya kerap menikmati hujan ketika minum di warung teh tarik yang berselerak di sana sini. Banyak aktiviti yang boleh dilakukan di sini – berjumpa kawan, *informer* dan kerap juga menulis draf berita

Resah hujan di Kuala Lumpur

“Pada suatu malam dalam tahun 1985, dari jendela Masjid Jamek kedengaran deru ganas dari arah sungai Gombak. Daripada bias lampu neon Kuala Lumpur, kelihatan aliran air yang sangat deras menghanyutkan gumpalan sampah sarap dan mencecah tebing.”

atau rencana.

Selepas tahu serba sedikit jalan dan lorong di pusat bandar Kuala Lumpur, hujan tidak menjadi penghalang untuk saya ke sana dan ke sini dengan meniti dari kaki lima ke kaki lima. Walaupun baharu tetapi sudah menghafal kaki lima berbumbung untuk berlindung.

Biarpun hujan, kalau teringat hendak ke warung teh tarik di hujung Jalan Bandar dekat Ibu Pejabat Polis Trafik Kuala Lumpur, saya menyusuri lorong dan kaki lima dari Puduraya ke Jalan Petaling (*Petaling Street*), memintas ke Jalan Bandar dan terus ke warung di sebelah Panggung Drama. Sekarang nama Jalan Bandar ditukar pada Jalan Tun HS Lee.

Warung itu menjadi akrab kerana Panggung Drama antara yang menjadi pangkalan (*port*) budak-budak teater di Kuala Lumpur. Di situ boleh berjumpa dengan banyak kawan pemain teater - Khalid Salleh, Sani Sudin, Siso, Latif Arif dan banyak lagi.

Penat berlatih teater mereka ke warung, lebih-lebih lagi hari hujan untuk memanaskan badan dengan teh tarik. Mulalah bersembang dari bab satu hingga bab sepuluh masih belum ada penamat.

Sebagaimana resahnya ibu dan ayah di kampung dulu, penghuni Kuala Lumpur juga berdepan



BANJIR di Jalan Raja Laut menggelamkan beberapa kawasan sekitar Dang Wangi, Masjid Jamek dan Dataran Merdeka di ibu negara tahun lalu.

hujan dengan debar dan resah. Banyak kampung setinggan di kawasan rendah di sekitar Kuala Lumpur kerap ditenggelami banjir kilat.

Tetapi golongan marhaen tidak ada pilihan – banjir kilat didepani dengan tenang dan sabar. Bertahun-tahun keadaan tidak berubah dan kehidupan mesti diteruskan juga walau apa keadaannya.

Pada suatu malam dalam tahun 1985, dari jendela Masjid Jamek kedengaran deru ganas dari arah sungai Gombak. Daripada bias lampu neon Kuala Lumpur, kelihatan aliran air yang sangat deras menghanyutkan gumpalan sampah sarap dan mencecah tebing.

Apabila melihat aliran sudah melimpah ke kaki lima di sekitar kawasan di situ saya bergegas keluar menyusur Jalan Melayu untuk ke Wisma Yakin, seterusnya menyusuri tepi Masjid India untuk mengelak hujan ke bangunan *Malay Mansion*. Dengar khabar Sungai Bunus tidak jauh

dari situ juga sudah melimpah.

Saya singgah ke warung mamak di bawah *Malay Mansion*, antara yang selalu dikunjungi kerana keenakan teh tariknya. Hujan semakin mencurah. Kilat kerap mengejutkan dan petir bersambung-sambung. Kenderaan di Jalan Tuanku Abdul Rahman terhenti. Sesak yang teruk.

Selepas agak reda saya keluar dan menyusuri Jalan Tun Perak dan menghala ke Puduraya. Tetapi setibanya di atas jambatan depan Masjid Jamek, air keladak dari sungai Kelang telah melimpah dan memutuskan perhubungan separuh Jalan Tun Perak.

Keadaan sangat mencemaskan, kenderaan tersebut kerana tidak dapat bergerak langsung malah banyak pula yang tersadai kerana enjin terendam air. Malam itu antara banjir kilat yang besar melanda Kuala Lumpur. Saya yang telah basah kasut dan pakaian terus meredah hujan dan air separas lutut untuk ke Puduraya.

Orang ramai berasak-asak di tepi-tepi kaki lima kerana

semua pengangkutan awam – bas panjang dan bas mini terhenti. Sampai sahaja di Puduraya, pertama sekali saya keringkan baju di kipas penghawa dingin yang panas.

Saya meninjau-ninjau di bawah Puduraya kalau ada bas Fuh Hup yang hendak ke Kajang melalui rumah sewa saya di Taman Cheras namun hampa kerana semua bas tidak bergerak – Jalan Cheras dinaiiki air. Ketika itu perkhidmatan bas di Kuala Lumpur setakat pulak 12 tengah malam sahaja.

Kelihatan ada dua tiga teksi di tepi Puduraya. Saya menuju ke sebuah teksi dan bertanya tambang ke Taman Cheras. Pemandu itu kata RM20. Saya tahu dia hendak sembelih saya dengan tambang sebanyak itu. Dalam dompet saya pun hanya ada RM10.

Saya bertekad malam itu akan tidur di Puduraya menunggu bas mini pertama esoknya. Puduraya sudah lengang, bas ke luar Kuala Lumpur sudah bergerak. Keadaan tengah malam di tingkat atas Puduraya sunyi. Hanya kelihatan beberapa gelandangan mengheret kotak kertas untuk dijadikan alas tidur.

Mereka agak hairan melihat saya tidur di atas bangku simen di hujung sebelah kiri. Saya memeluk beg sandang dengan kemas dan membutangkan poket belakang yang ada dompet. Seorang gelandangan menghampiri saya dan memberikan kotak kertas. Saya ambil dan ucap terima kasih.

“Tidurlah. Tidur di mana-mana pun mimpi tetap indah,” bisik gelandangan itu sambil berlalu. Perut berkeroncong gagal disenyapkan kerana duit hanya berbaki RM10. Malam itu hujan menjadikan saya menjadi sebahagian daripada gelandangan yang menjaring mimpi di atas alas kotak sebelum munculnya mentari.

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

Wilayah Ku

KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]

| | | | |
|--------------------|--|-------------|----------------|
| FULL PAGE | | 26cm X 33cm | RM7,500 |
| HALF PAGE | | 26cm X 17cm | RM5,500 |
| QUARTER PAGE | | 12cm X 17cm | RM4,500 |
| PANEL PAGE [INNER] | | 26cm X 6cm | RM4,500 |

KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]

| | | |
|--|-------------------------------------|----------------|
| | FRONT BANNER 1080px X 96px | RM2,500 |
| | MIDDLE BANNER 1080px X 280px | RM2,000 |
| | MEDIUM RECTANGULAR 350px X 280px | RM1,500 |
| | HALF PAGE 350px X 500px | RM1,000 |

50,000 naskhah akhbar **WILAYAHKU** diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 300 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

012-208 6354 (V. KUMAR VEERAN)

Pengurus Pengiklanan

011-1069 2962 (ZUHAIRI)

Eksekutif Jualan dan Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:

Aras 9, Blok 1,
Menara Seri Wilayah,
62100 Putrajaya.

Hari Sukan Negara 2021

46 program, 10,000 penyertaan di Labuan

KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

SEBANYAK 46 program telah disusun atur oleh Jabatan Belia dan Sukan (JBS) sempena Hari Sukan Negara (HSN) 2021 peringkat Labuan secara bersemuka dan dalam talian, baru-baru ini.

Pengaruhnya, **Mohamad Syahffie Japril** berkata, pihaknya telah menyasarkan sebanyak 10,000 penyertaan bagi kesemua program yang telah disusun atur bagi memeriahkan lagi HSN 2021.

"Sasaran itu telah pun kita dicapai dan walaupun Labuan kini dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa Empat kita turut mendapatkan nasihat dan panduan daripada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) berdasar prosedur operasi standard (SOP)," katanya ketika

**BASHIR** (tengah) bersama tetamu terhormat menanti pengumuman dan ucapan Perdana Menteri sempena Hari Sukan Negara menerusi dalam talian, pada pagi Sabtu lalu.

ditemui di Majlis Pelancaran Hari Sukan Negara 2021 Peringkat Labuan, pada Sabtu lalu.

Menurut Syahffie, antara program yang dianjurkan sempena HSN 2021 iaitu berkayak, berbasikal (Mountain Bike), Road Bike, Fun Run serta aktiviti Tabata.

Majlis perasmian HSN 2021 peringkat Labuan itu dirasmikan oleh Ahli Dewan Negara Senator Datuk Bashir Alias.

Sementara itu, Bashir turut mengucapkan syabas kepada JBS Labuan kerana telah meyusun atur pelbagai program sukan yang bermanfaat kepada seluruh war-

**PROGRAM** berbasikal antara yang mendapat penyertaan terbanyak daripada orang ramai.

ga Labuan.

"Syabas juga kepada agensi-agensi kerajaan yang turut bekerjasama dalam melaksanakan dan menjayakan program-program sempena HSN 2021 di peringkat Labuan," katanya.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan

Labuan Rithuan Mohd Ismail, Ketua Polis Daerah Labuan Superintendant Ahmad Jawila, Pengarah Majlis Keselamatan Negara (MKN) Labuan Mohd Hafiez Daud dan Pengerusi Perwakilan Penduduk (MPP) Zon Labuan Dzulfaizal Abd Manan. **WK**

Warga emas bekas pesakit COVID-19 terima mesin oksigen

PENDERITAAN dua wanita warga emas bekas pesakit COVID-19 di sini, kini berakhiran apabila Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Labuan menyumbangkan mesin oksigen bagi keperluan mereka.

Kedua wanita warga emas itu merupakan bekas pesakit COVID-19 yang menyebabkan mengalami kesukaran bernafas dan hanya bergantung kepada mesin itu untuk meneruskan kehidupan.

Pengurus MAIWP Labuan, **Ustaz Fadzli Md Saad, Jalaha Said**, 63, tinggal di Kampung Patau-Patau 1 dan Hadinan Jalan, 65, Kampung Belukut sebelum ini terpaksa mengeluarkan

wang peribadi sendiri untuk menyewa tong oksigen untuk meneruskan kehidupan.

"Jalahar seorang balu itu merupakan bekas pesakit COVID-19 tahap 5 pada Julai lalu dan dimasukkan ke wad dengan bantuan oksigen hampir dua bulan di Hospital Labuan.

"Dalam tempoh sebulan, beliau terpaksa menyewa dua buah tong *Medical Oxygen* dari syarikat swasta dengan kos pendahuluan RM1,000. Tong oksigen perlu diisi setiap tiga hari dengan kos RM110," katanya kepada pemberita, baru-baru ini.

Fadzli berkata, Hadinan adalah bekas

pesakit COVID-19 pada bulan Mei yang lalu dan dimasukkan ke wad hampir sebulan dan seminggu selepas itu, beliau terpaksa dimasukkan ke hospital kerana menghadapi masalah kesukaran bernafas.

"Bebanan kewangan yang dihadapi menyebabkan beliau tidak mampu untuk membeli mesin oksigen dan atas keprihatinan MAIWP telah meluluskan pembelian mesin oksigen *concentrator* untuk beliau," katanya lagi.

Kedua-dua mereka menerima bantuan itu melalui Skim Bantuan Peralatan Kesihatan dengan jumlah keseluruhan RM10,400. **WK**

**FADZLI** (kanan) berbual mesra bersama salah seorang warga emas bekas pesakit COVID-19 dan menyerahkan mesin oksigen.**HAMDAN** (dua dari kiri) menyematkan pingat Anugerah Kebesaran Jabatan kepada anggota bomba Labuan di Majlis Penganugerahan Pingat Kebesaran Jabatan dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) di sini, pada Ahad lalu.

12,000 anggota JBPM seluruh negara siap siaga hadapi musim monsun

SERAMAI 12,000 anggota bomba di seluruh negara akan bersiap siaga dalam hadapi musim monsun di enam negeri bermula November ini.

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, **Datuk Seri Mohammad Hamdan Wahid** berkata, pihaknya sentiasa berada dalam keadaan bersiap siaga dalam kelengkapan logistik dan kekuatan anggota bagi menghadapi bencana banjir dan tanah runtuh.

Katanya, pihaknya telah dimaklumkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia bahawa musim monsun bakal berlaku pada bulan depan (November).

"Sebanyak enam negeri, termasuk Sabah akan mengalami cuaca buruk dan berkemungkinan berlakunya banjir."

"Kita akan sentiasa siap siaga jika keadaan menjadi semakin buruk dan kita

akan meminta bantuan daripada negeri lain," katanya di Majlis Penganugerahan Pingat Kebesaran JBPM dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2020 peringkat Wilayah Persekutuan Labuan, di sini, pada Ahad lalu.

Beliau berkata, enam negeri yang bakal terlibat adalah Sabah, Kelantan, Terengganu, Pahang, Sarawak dan Johor.

Terdahulu, Hamdan menyerahkan kepada dua anggota JBPM Labuan yang menerima pingat kebesaran jabatan iaitu Pegawai Bomba Kanan, Fareez Teo Abdullah (Pingat Setia Bomba) dan Pembantu Tadbir JBPM Labuan, Sabrina Asnih (Pingat Cemerlang Bomba).

Manakala, seramai 15 anggota turut menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2020. **WK**



Soalan
A SSALAMUALAIKUM
 SS Mufti. Bersempena dengan sambutan

Maulidur Rasul pada bulan Rabiulawal ini, saya ingin bertanya sedikit mengenai status hadis Rasulullah SAW.

Pada pandangan pihak tuan, adakah hadis da'if dan palsu ini setaraf dan mesti ditolak secara keseluruhan? Mohon pandangan, terima kasih.

Jawapan

Pelbagai permasalahan yang timbul dalam masyarakat akibat daripada tidak mengamati sesuatu isu secara teliti.

Antara permasalahan tersebut, berlaku salah faham terhadap al-Sunnah di mana sebahagian masyarakat telah menyamakan hadis da'if dengan palsu.

Mutakhir ini, banyak pandangan yang mengelirukan masyarakat awam tentang perbaasan ilmu hadis terutama yang melibatkan perbaasan hadis da'if, sehingga menyebabkan masyarakat menyamakan hadis yang da'if dengan palsu.

Pandangan yang keliru dalam ilmu hadis ini telah dikemukakan oleh segelintir masyarakat yang tidak bertanggungjawab dengan ilmu yang mereka miliki.

Pertama sekali, perlu difahami bahawa hadis da'if adalah hadis yang tidak memenuhi syarat hadis sahih dan hasan.

Berikut merupakan definisi

Adakah hadis da'if setaraf dengan hadis palsu?

yang disebutkan oleh Imam al-Suyuti:

Maksudnya:
Hadis da'if adalah hadis yang tidak memenuhi sifat hadis sahih atau hadis hasan.

Definisi ini sebagaimana yang telah disebutkan dalam kebanyakan kitab-kitab ulum al-hadis klasik mahupun kontemporari.

Bahkan, hadis da'if adalah suatu subtopik yang paling banyak perbincangannya di dalam ulum al-hadis.

Manakala, hadis palsu diertikan sebagai satu ucapan yang bukan daripada Nabi SAW tetapi disandarkan kepada baginda SAW tanpa rasa bertanggungjawab oleh perawi tertentu.

Imam Ibn al-al berpandangan bahawa hadis da'if yang paling buruk atau rendah serta haram meriwayatkannya sama sekali,

melaikkan jika dijelaskan status kepsuuan hadis tersebut. Imam al-Suy menyebutkan di dalam Tadrab al-Rw:

Hadith palsu kemasukan awal bulan Islam

"Beringskor yang berkata di atas namaku peng mana akan tidak pernah mengungkapkannya maka siapalah tamatnya di dalam neraka." (Al-Bukhari)

Hadith seperti ini sering disebarluaskan pada awal bulan Rejab, Zulhijah, Ramadhan, Muharram dan sebagainya. Kesemuanya hadith menceritakan kelebihan memberitahu kemasukan awal bulan Islam adalah palsu. Penyebaran hadith ini perlu dihentikan. Hukum meriwayatkan hadith palsu adalah haram melainkan bagi menyatakan akan kepsuuan dan akibatnya akan dicampakkan ke dalam neraka di akhirat kelak."

HADIS palsu diertikan sebagai satu ucapan yang bukan daripada Nabi SAW tetapi disandarkan kepada baginda SAW tanpa rasa bertanggungjawab oleh perawi tertentu.

Maksudnya: **Hadis palsu adalah sesuatu yang dicipta atau rekaan semata dan ia merupakan seburuk-buruk hadis da'if (tidak termasuk hadis da'if yang boleh diriwayatkan dan diamalkan, tetapi yang dimaksudkan da'if di sini ialah hadis palsu).**

Imam al-Sakhw dalam al-Qawl al-Bad menuliskan bahawa Imam Ibn al-al menyebutkan seperti berikut:

Maksudnya: **Boleh meriwayatkan hadis da'if dengan**

kebarangkalian terkandung kebenaran dalam maknanya.

Sejurus selepas beliau menyebutkan tentang tidak boleh meriwayatkan hadis palsu melainkan diikat (dengan penjelasan terhadap kepalsuannya), berbeza dengan hadis-hadis da'if yang mempunyai kebarangkalian kebenarannya pada makna.

Menurut Imam al-Nawawi hadis da'if boleh diamalkan jika memenuhi syarat-syarat berikut: Hadis da'if tersebut tidak palsu.

- Tidak berkaitan hukum hukam.

- Boleh diamalkan dalam hal *fada'il* (kelebihan), *targhib* (galakan) dan *tarhib* (ancaman).

Menurut Syeikh Muhammad Awwamah hadis da'if masih dinisbahkan kepada baginda Nabi SAW jika terdapat riwayat lain yang menyokong, sedangkan hadis palsu ialah pembohongan dan pendustaan semata-mata.

Oleh kerana itu, beliau membahagikan hadis da'if kepada 4 pembahagian: [7]

1. Da'if yang ringan
2. Da'if yang sederhana
3. Da'if yang berat
4. Terkait perawi yang bersifat penipu dan suka memalsukan hadis.

Syeikh Muhammad Awwamah menggambarkan bahawa da'if dan palsu itu sesuai yang amat berbeza.

Dengan adanya pembahagian ini, jelaslah bahawa bukan semua hadis da'if itu mesti ditolak secara mutlak sebagaimana telah berlaku dalam masyarakat yang meletakkan hadis da'if ini di dalam satu kelompok setaraf dengan hadis palsu.

Kesimpulan

Melalui pembahagian yang telah disebutkan di atas, salah faham yang telah berlaku dalam masyarakat dapat diselesaikan kerana hadis da'if mempunyai kategori-kategori pelbagai dan syarat-syarat yang mesti dilihat dan diteliti barulah ianya boleh ditetapkan sama ada diterima atau ditolak.

Justeru, tidak tepat sesiapa yang menyamakan hadis da'if dengan hadis palsu kerana palsu itu jelas suatu perkataan yang direka-reka dan disandarkan kepada baginda SAW tanpa rasa bertanggungjawab.

Wallahu'lam.



MASYARAKAT dinasihatkan supaya menggunakan tutur kata yang baik serta menjaga tingkah laku di media sosial.

bahasa tidak baik, sebaliknya melalui penulisan, mereka bebas dan lancar mengungkapkan sesuatu tersirat dalam pemikiran tanpa berfikir panjang dan malu dengan tindakan berkenaan.

Justeru, media sosial menjadi wadah bagi meluahkan perasaan dan pemikiran yang negatif.

Abu Hurairah RA pernah bertanya kepada Rasulullah SAW: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya si fulan rajin solat sunat malam, puasa pada siang hari, mengerjakan pelbagai kebaikan dan bersedekah. Pada masa sama, dia suka mengganggu jiran dengan bahasanya?"

Lalu Rasulullah SAW bersabda: "Tiada kebaikan padanya, dia termasuk penghuni neraka." Mereka bertanya lagi: "Sesungguhnya si fulan (lain) mengerjakan hanya solat wajib dan bersedekah dengan sepotong keju, namun tidak pernah mengganggu seorang pun?"

Rasulullah SAW bersabda: "Dia termasuk penghuni syurga." (Hadis Riwayat Bukhari dalam al-Adab al-Mufrod)

Islam ialah agama rahmat kepada

akan beroleh azab seksa tidak terperi sakitnya di dunia dan di akhirat dan (ingatlah) Allah mengetahui (segala perkara) sedang kamu tidak mengetahui (yang demikian)." (An-Nur: 19)

Berhubung penjagaan bahasa, Allah SWT memberi panduan dengan menggambarkan bahasa sebagai seponoh kayu subur. Akarnya padat dan kuat mencengkam bumi dan dahannya rendang menegak ke langit serta mengeluarkan buah baik untuk kebaikan makhluk di dunia.

Perkara perlu terdapat dalam bahasa ialah realiti jurur. Ini bermakna setiap bahasa dituturkan hendaklah menepati sesuatu realiti atau fenomena benar serta jelas dengan hakikat berlaku, sekali gus memberi maklumat.

Peribahasa Melayu ada menyebut, kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa. Terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya.

Penulis adalah Profesor Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

KOMENTAR

Jaga jari dari sebar aib, keburukan dan fitnah di media sosial

PROF DR ROSNI SAMAH

BAHASA mencerminkan budaya hidup sesuatu masyarakat, sekali gus menjadi pengukur keperibadian individu. Ia bukan setakat alat berkomunikasi, bahkan mencerminkan akhlak seseorang penutur.

Bahasa baik dan bersopan membawa makna perilaku atau tingkah laku baik dari segi gerak-geri, tutur kata dan sikap. Bahasa boleh dijelmakan dalam pelbagai bentuk seperti tulisan, gambar dan isyarat yang boleh tersebar dengan pantas dalam pelbagai media sosial.

Bahasa boleh memberi maklumat dan manfaat kepada masyarakat tetapi ia juga boleh menjadi fitnah serta konfrontasi dalam masyarakat jika tidak menepati realiti.

Sudah menjadi tradisi Islam, ulama sufi memberi peringatan untuk menjaga lidah. Pada hari ini, di samping menjaga lidah, masyarakat perlu menjaga jari-jemari yang menjadi alat penulisan dalam media sosial.

Secara verbal mungkin masyarakat berasa berat menuturkan

Ibnu Majah)

Orang gemar membicarakan keibaikan orang lain, sebenarnya tanpa disedari sedang memperlihatkan keperibadiannya sendiri. Semakin banyak aib disebarluaskan, semakin jelas keburukan diri si penyebar.

Allah SWT mengingatkan golongan ini dengan firman-Nya: "Sesungguhnya orang suka menghebahkan tuduhan buruk dalam kalangan orang beriman, mereka

Projek CAREton@Putrajaya bantu jana pendapatan komuniti Putrajaya



AINI MAWAWI

PERBADANAN Putrajaya (PPj) berhasrat mengembangkan projek CAREton@Putrajaya sebagai aktiviti ekonomi dan produk eco-pelancongan yang unik sekali gus membantu komuniti setempat menjana sumber ekonomi.

Projek perintis menghasilkan produk Used Beverage Cartons (UBC) dan menggunakan papan poly Aluminium (polyAI) bersama komuniti Presint 8 dan 14 tersebut dikembangkan kepada aktiviti penghasilan produk UBC secara inovatif sejak tahun lalu.

Menurut Naib Presiden Perancangan Bandar, Perbadanan Putrajaya (PPj), **Shamsul Bahrin**, sepanjang tahun 2020, pelbagai aktiviti CAREton@Putrajaya telah



SHAMSUL

dilaksanakan bersama komuniti dan rakan strategik yang secara tidak langsung menyasarkan pengurangan pelepasan karbon menjelang tahun 2025.

“Antaranya penambahan lokasi bin pengumpulan UBC selain daripada kemudahan 3R sedia ada serta anjuran sesi latihan untuk menghasilkan produk ‘upcycle’ UBC kepada komuniti setempat.

“Kita lihat mereka ini sangat kreatif contohnya dengan terciptanya bangku menggunakan papan polyAI. Untuk penggunaan semua, papan tersebut boleh tahan lama serta lebih utuh daripada kayu plywood.

“Untuk masa akan datang, kita akan mempromosikan produk yang dihasilkan kepada pihak luar serta memasarkannya supaya menjadi salah satu produk eco-pelancongan setanding produk-produk hiasan lain” ujar beliau.



JOHAN kumpulan warga emas bersama hasil kreativiti mereka

Tambah beliau, bahan binaan mesra alam ini diproses daripada kotak air minuman terpakai melalui projek CAREton yang diperkenalkan Syarikat Tetra Pak Malaysia dan Syarikat Nestle MILO UHT yang bermula pada tahun 2012.

Dalam masa yang sama, bermula 3 Februari hingga 23 April 2021 lalu, PPj telah menganjurkan pertandingan penghasilan produk ‘upcycle’ UBC dan papan polyAI kepada komuniti Putrajaya

yang mana kaedah anjuran pertandingan adalah menghasilkan lampu menggunakan UBC.

“Melalui pertandingan ini, PPj dapat memperkenalkan projek CAREton@Putrajaya kepada seluruh komuniti Putrajaya dan meningkatkan lagi daya kreativiti komuniti dalam penghasilan produk berlandaskan bahan serta teknologi hijau.

“Secara tidak langsung, pertandingan ini dapat mengurangkan lagi jumlah UBC



ANTARA hasil kreativiti pemenang.

yang dilupuskan di tapak pelupusan. Jika dahulu, usaha sedia ada hanya memfokuskan pengumpulan kotak air minuman terpakai dan dihantarkan ke pusat kitar semula sahaja tetapi kini, ia dikembangkan kepada aktiviti penghasilan produk UBC selaras penjenamaan semula projek CAREton kepada CAREton@ Putrajaya,” ujar beliau sejurus Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Careton@ Putrajaya : Produk Used Beverage Cartons (UBC).

Ternyata pertandingan yang dianjurkan mendapat sambutan yang menggalakkan dengan menerima 40 penyertaan yang terdiri daripada empat kumpulan iaitu kategori Terbuka, Pelajar Sekolah Menengah, Pelajar Sekolah Rendah serta Warga Emas.

Juara pertandingan bagi setiap kategori membawa pulang wang tunai bernilai RM600 sementara RM500 bagi naib juara diikuti tempat ketiga, RM400 dan saguhati RM200. **WK**

Nestlé kagum kotak minuman terpakai jadi perabot

MELIHAT beberapa rekaan perabot yang cantik, kukuh dan unik, sesiapa sahaja pasti terkejut selepas mengetahui ia dihasilkan daripada kotak minuman terpakai (UBC).

Malah, wakil pengeluar minuman kotak, Nestlé juga mengakui dirinya kagum dengan produk yang dihasilkan dari UBC.

Menzahirkan rasa terkejut, Pengarah Eksekutif, Hal Ehwal Korporat Nestlé (Malaysia) Berhad, **Datuk Adnan Pawanteh** berkata, dia sangat bangga dan tertarik dengan perabot termasuk kerusi yang dihasilkan dari pada kotak minuman terpakai jenamanya.

“Bagi diri saya sendiri, memang tidak sangka. Hari ini (Khamis) saya datang lihat dengan mata kasar, memang sangat terkejut, teruja dan kagum.

“Ia begitu membanggakan. Oleh itu, saya ambil gambar se-



ADNAN

tiap perabot yang dihasilkan untuk tunjuk kepada rakan-rakan di Nestlé,” katanya kepada Wilayahku.

Mengulas tentang penglibatannya untuk turut serta memasarkan produk (perabot) berkenaan, Adnan memberitahu, pihaknya akan bekerjasama dengan Tetra Pak Malaysia, Singapore, Philippines dan Indonesia bagi mencari pasaran untuk barang tersebut.

Jelas beliau, pada masa ini, perkara utama yang perlu diberi tumpuan adalah kaedah untuk meningkatkan koleksi mahupun jenis produk.

“Di samping itu, bilangan mereka (penghasil) yang berkecimpung dalam bidang ini juga perlu ditingkatkan supaya dapat memenuhi permintaan semasa,” katanya.

Dalam pada itu, beliau memeritahu, Nestlé akan memulakan kempennya semula bermula tahun depan selepas sektor ekonomi dibuka semula.



PERABOT yang dihasilkan daripada UBC.

Reaksi pemenang

“Program ini menarik, tak sangka dengan kotak minuman yang kita selalu minum tu boleh jadi produk unik. Saya sudah mula mengumpul kotak minuman ini dan tak sabar untuk menyertai lagi pada masa hadapan.”

Nur Azleen Jamaluddin, 34
Johan Kategori Terbuka



“Saya berminat untuk menyertai PPj jika mereka mewujudkan pusat jualan produk daripada bahan kitar semula. Bagi saya, ia merupakan medan untuk menjana pendapatan daripada kreativiti sendiri.”

Hasnah Rodo, 69
Johan Kumpulan Warga Emas



“Kami bersatu hati untuk menghasilkan lampu ini dan bersyukur mendapat tempat kedua. Sekarang pula kami sedang menjalankan projek menghasilkan produk baharu bersama pelajar sekolah rendah pula.”

Noraini Ibrahim, 60
Naib Johan Kumpulan Warga Emas





SHAHIDAN melakukan aktiviti pemanas badan pada HSN 2021.

Pelbagai program khusus elak obesiti dirangka

Rakyat sihat, negara sejahtera

AINI MAWAWI

LEBIH murah menjaga sihat daripada menjaga sakit. Itu slogan yang dilaungkan Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** agar sukan menjadi budaya di Wilayah Persekutuan.

Menurut beliau, bagi mencapai hasrat tersebut, pelbagai program khusus untuk mengurangkan berat badan dilaksanakan dalam mencapai matlamat rakyat sihat ekonomi sejahtera.

“Apabila rakyat sihat maka secara tidak langsung negara boleh membangun dengan lebih pesat. Jadi, jika mereka sakit dan sebagainya maka negara juga yang akan menghadapi masalah.

“Kalau boleh, kita juga mahukan rakyat Malaysia tahu betapa aktifnya ketiga-tiga wilayah ini dengan aktiviti sukan sekali gus bertumpu di sini dalam menjayakan budaya sihat,” ujar beliau sejurus merasmikan sambutan Hari Sukan Negara (HSN) peringkat Wilayah Persekutuan dan Kementerian Wilayah Persekutuan 2021.

Kata Shahidan lagi, di Wilayah Persekutuan, sokongan kepada amalan cara hidup sihat menerusi agensi di bawah kerementerianya sentiasa dilakukan dari semasa ke semasa.

“Antaranya dari segi penyediaan taman-taman awam dan kemudahan sukan di bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Perbadanan Labuan (PL) yang lengkap dan mencukupi di setiap kawasan,” ujar beliau.

Tambah beliau lagi, biarpun kini warga kota sudah berpeluang kembali ke gimnasium, bermain bola atau badminton setelah Kuala Lumpur dan Putrajaya memasuki Fasa 3 Pelan Pemuliharan Negara (PPN) namun perlu patuh prosedur operasi standard (SOP).

“Sentiasa amalkan gaya hidup sihat dan aktif tetapi jangan sesekali mengabaikan SOP yang ditetapkan supaya dapat menjayakan matlamat sebagai sebuah Negara Sukan (*Sporting Nation*),” kata beliau.

Terdahulu, HSN peringkat Wilayah Persekutuan disambut serentak dengan peringkat kebangsaan. Sebanyak 100 program dan aktiviti sukan dirangka sepanjang sambutan antaranya *Let's Get Fit During Pandemic (Talk)*, Pertandingan e-Sports FIFA 2021 dan banyak lagi. **WK**

Hadiah terkumpul SUKPAR mencecah RM30,000

SUKAN Parlimen Wilayah Persekutuan (SUKPAR) 2021 dengan edisi khas e-sport bakal kembali bermula 22 Oktober hingga 5 Disember dengan mempertaruhkan empat sukan utama yang menjadi tumpuan ramai.

Menurut Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP), **Dr Hasnul Faizal Hushin Amri**, orang ramai dijemput turut serta untuk menjayakan sukan yang ditunggu-tunggu saban tahun ini.

“Kali ini kita pecahkan kepada empat sukan utama iaitu e-sports, virtual combat, virtual run dan archery challenge yang mana kita yakni keempat-empatnya mendapat sambutan

yang amat menggalakkan.

“Insyaallah kita akan lancar pada 22 Oktober ini di laman Facebook MSWP dan selepas itu peserta bolehlah mulai mendaftar. Diharapkan orang ramai tidak melepaskan peluang merebut hadiah terkumpul mencecah RM30,000,” ujar beliau kepada *Wilayahku*.

Tambah beliau lagi, pada tahun ini acara diadakan lebih meriah dengan memandangkan pada tahun lalu SUKPAR tidak dapat diadakan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan kerana pandemik COVID-19.

“SUKPAR bermula pada tahun 2019,

kita berhenti seketika tahun lalu kerana COVID-19 dan Alhamdulillah dapat kembali lagi tahun ini apabila kita sudah mendapat kelonggaran apabila memasuki Fasa 3 Pelan Pemuliharan Negara (PPN),” ujar Hasnul.

Antara sukan yang dipertandingkan pada tahun ini adalah FIFA 2022, Mobile Legends : Bang Bang, Karate, 15 km run, Recurve dan banyak lagi.

Dalam pada itu, menurut Hasnul, MSWP bakal mengadakan Festival Silat Wilayah Persekutuan yang dijangka berlangsung pada bulan November ini.

“Akan ada pelancaran tidak lama lagi. Kita juga akan menyelesaikan banyak program-program sukan yang banyak terlantarkan sebelum ini,” katanya. **WK**



Reaksi

SITI MARYAM MOHAMMAD, 27
Penolong Pegawai Belia dan Sukan

“KITA tahu pandemik ini membataskan segala aktiviti pergerakan tetapi saya tidak muhi melepaskan peluang untuk mengadakan elemen-elemen sukan pada program Hari Sukan Negara 2021 ini. Apapun saya memang gembira bila dapat kembali bersukan.”



NUR FARHANA NASIR, 25
Jurulatih Kecergasan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan

“INI merupakan hari sukan pertama yang pernah saya serta jadi saya sangat teruja dan lebih bersemangat kerana dapat menjalankan program secara bersemuka bersama peserta-peserta yang hadir berbanding sebelum ini yang hanya diadakan secara atas talian.”



SYUKRI ABDULLAH, 23
Atlet bebas

“SAYA berasa seronok dan teruja kerana sudah lama tidak bermain bola. Apabila dapat mengeluarkan peluh, saya sangat gembira dan boleh lihat yang dunia sukan sudah kembali aktif seperti sebelum ini.”





HSN 2021: Pelbagai aktiviti menarik dirancang hidupkan kembali dunia sukan negara

DIANA AMIR

SELEPAS lebih setahun dunia sukan sepi susulan pandemik COVID-19, Hari Sukan Negara 2021 kembali diraikan dengan norma baharu secara serentak di peringkat kebangsaan dan juga Wilayah Persekutuan.

Meskipun sambutan tahun ini diadakan secara *hybrid* ia tetap disambut meriah dengan semangat kesukanan yang ditonjolkan warga Wilayah Persekutuan.

Program yang bermula seawal 8 pagi ini telah dirasmikan Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** bertempat di Atrium, Kementerian Wilayah Persekutuan pada Sabtu lalu.

Menariknya, dalam sambutan HSN 2021 peringkat negeri dan kementerian ini, Shahidan turut serta dalam aktiviti yang telah dianjurkan termasuklah jalan kaki sejauh tiga kilometer, senaman aerobik, *fitness assessment* dan *health assessment*.

Difahamkan, pada hari yang sama juga semua agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) yang lain seperti Perbadanan Putrajaya (PPj), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Labuan (PL), Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB), Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PPTGWP) turut menganjurkan acara sukan di peringkat agensi masing-masing.

Selaras dengan perasmian HSN 2021 peringkat kebangsaan, sebanyak 100 program dan aktiviti sukan



SHAHIDAN (kanan) dan **Jalaluddin (kiri)** melakukan Fun Run 5 kilometer bersama komuniti Putrajaya pada Sabtu.

telah berlangsung sepanjang Hari Sukan Negara Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Antara program yang diadakan ialah Keluarga Malaysia: *Fit and Active Family HSN 2021*; Pertandingan Kursus Asas Ikatan; Pertandingan *e-Sports FIFA 2021*; *Let's Get Fit During Pandemic (talk)* dan *KBS Lifestyle Talk (How to generate income during pandemic)*.

Dalam pada itu, sambutan di Labuan lebih meriah apabila pelbagai acara fizikal diadakan seperti *2 Hours Non Stop Aerobic*, *25 Minutes Ladies Tabata Challenge*, *Kayak 7*

kilometer dan *Fun Run 5 kilometer* berikutnya pulau bebas cukai itu telah memasuki Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Turut memeriahkan majlis, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias; Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembangunan) Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Che Roslan Che Daud; Pengurus Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, Datuk Ramlan Shahean@Askolani dan Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, Dr Hasnul Faizal Hushin Amri. **WK**

Reaksi

MUHAMMAD ANAS HAKIMI, 20
Atlet

"**SEJUJURNYA** sangat seronok bila sukan kembali naik kerana sebelum ini kita berada dalam pandemik yang membuatkan dunia sukan agak sunyi dan saya harap dengan Hari Sukan Negara 2021 akan membuatkan dunia sukan Malaysia lebih maju."



ILYA ZAIMI, 20
Atlet

"**PROGRAM** Hari Sukan Negara 2021 sangat meriah sebab dapat melakukan senam aerobik ramai-ramai. Ini kerana di awal pandemik, kita hanya mampu bersukan di rumah sahaja. Jadi, apabila sudah diberi kelonggaran untuk bersukan di luar, saya sangat teruja."



MUHAMMAD SYAFIQ IMRAN, 23
Eksekutif Junior Komunikasi Korporat YWP

"**HARI** Sukan Negara 2021 merupakan satu program yang memberikan impak besar di mana menekankan tentang kepentingan mengekalkan gaya hidup sihat dan bersukan bukan sahaja untuk gembira tetapi juga baik untuk kecergasan fizikal yang membantu kita jalani kehidupan sehari-hari dengan lebih seronok dan tidak stres."

sa terdekat khusus buat atlet wilayah.

"Kita faham mereka telah melalui satu tempoh yang panjang bermain dengan emosi apabila tidak berpeluang menunjukkan prestasi diri, kerana itu kita akan berusaha untuk mengatasi masalah mereka.

"Sebenarnya bukan mudah untuk menaikkan semula semangat mereka, jadi kita dalam perancangan mengadakan kem motivasi bagi mempersiapkan mereka terutamanya yang terlibat dalam SUKMA tahun hadapan," ujar beliau.

Tambah beliau, kebebasan terhadap aktiviti sukan berbanding sebelum ini memberi ruang dan peluang kepada mereka untuk kembali beraksi meningkatkan stamina dari semasa ke semasa.

"Kalau diikutkan, ketika tempoh PKP dahulu, kita tetap memberi penekanan kepada atlet dengan menggunakan pendekatan kuarantin (*quarantine based approach*) agar mereka tidak ketinggalan dan dapat mengekalkan prestasi diri. **WK**



RAMLAN

Program cambah minda kembalikan semangat atlet Wilayah Persekutuan

PANDEMIK COVID-19 yang melanda dunia turut memberi kesan terhadap psikologi atlet lebih-lebih lagi apabila banyak kejohanan yang terpaksa ditunda disebabkan virus yang tidak tahu bila akan berakhir ini.

Malah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan juga turut memberi kesan ketara kepada prestasi atlet apabila mereka terpaksa menjalani latihan secara maya berbanding sebelum ini.

Namun apabila Kuala Lumpur dan Putrajaya memasuki Fasa 3 Pelan Pemulihan Negara (PPN) semasa Labuan pula pada fasa keempat, maka Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) mengambil inisiatif merangka program khas bagi mengembalikan semula semangat atlet yang bernaung di bawah mereka.

Menurut Pengurus MSWP, **Datuk Ramlan Shahean@Askolani**, program cambah minda merupakan antara pengisian yang perlu diberi perhatian serius dalam ma-



Konsep menggariskan tiga teras Keterangkuman, Kebersamaan dan Kesyukuran

Keluarga Malaysia dekat di hati rakyat

SEBUAH keluarga yang sejahtera memiliki hubungan yang serasi dan seimbang antara ahlinya, saling memberi dan menerima, selain setiap perbezaan diterima dengan hati terbuka, manakala kelemahan yang timbul pula diatasi secara bersama.

Takrifan keluarga sejahtera yang diringkaskan berdasarkan undang-undang sebuah negara jiran itu dilihat memadai untuk menjelaskan secara umum konsep "Keluarga Malaysia" yang dibawa oleh Perdana Menteri **Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob** selepas menerajui tumpuk kerajaan pada 20 Ogos lepas.

"Marilah kita, dengan fikiran terbuka dan dada yang menerima, mencungkil persamaan dengan tidak lagi menggali perbezaan. Kita perlu sepakat untuk menyelamatkan keluarga kita iaitu Keluarga Malaysia." Demikian ungkap beliau semasa berucap buat pertama kali sebagai Perdana Menteri ke-9 pada 22 Ogos lepas.

Menurut Ismail Sabri, konsep Keluarga Malaysia itu menggambarkan keutuhan negara yang



terikat dengan nilai didikan sempurna dalam sebuah keluarga, selain frasa (Keluarga Malaysia) itu disifatkan lebih inklusif kerana merentasi sempadan agama, bangsa dan kaum.

Konsep itu menggariskan tiga teras utama iaitu Keterangkuman, Kebersamaan dan Kesyukuran.

Bertepatan dengan situasi semasa, konsep Keluarga Malaysia yang mendasari kerajaan baharu pimpinan Ismail Sabri tersebut turut menumpukan pada kerjasama rakyat dalam memulihkan negara daripada kesan pandemik COVID-19.

Seluruh rakyat yang disatukan di bawah naungan Keluarga Malaysia tidak dibezaan melalui faham politik, sebaliknya akan diberikan kesaksamaan mengikut Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan Rukun Negara.

Bernama melaporkan Fellow Utama, Institut Kajian Etnik



RAKYAT yang disatukan di bawah naungan Keluarga Malaysia tidak dibezaan melalui faham politik.

(KIT), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), **Prof Emeritus Datuk Dr Teo Kok Seong** berpendangan konsep Keluarga Malaysia yang diperkenalkan Ismail Sabri merupakan pendekatan yang mudah diterima kerana

mengetengahkan unsur kekeluargaan yang sangat dekat di hati rakyat.

Gabungan nilai dan ciri yang terangkum di dalamnya sama seperti pembentukan sebuah keluarga dengan menerapkan

nilai-nilai murni, kebersamaan, berkasih sayang serta saling menghormati antara satu sama lain.

"Pendekatan ini juga selari dengan akhlak seseorang manusia dan ia sangat penting sebagai asas institusi sosial, sekali gus perlu diterapkan dalam keluarga dan masyarakat kita yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan etnik," katanya.

Konsep Keluarga Malaysia umpama "penyejuk" dalam mencari kesamaan dan penyatuhan rakyat untuk bangkit memulihkan negara yang berhadapan krisis kesihatan dan ekonomi yang amat mencabar sejak pandemik COVID-19 yang berasal dari Wuhan, China, tiba di negara ini pada awal tahun lepas.

Usaha ke arah pemulihran dengan merapatkan jurang ekonomi selain menyatukan rakyat tanpa melihat perbezaan politik, khususnya di saat negara sedang beralih ke fasa endemik ketika ini, akan menjadi faktor pendorong bagi merealisasikan kejayaan pendekatan konsep Keluarga Malaysia. **WK**

Rentas negeri: Selebriti seru masyarakat patuh SOP

DEEL ANJER

PENANTIAN rakyat Malaysia berakhir apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri mengumumkan kebenaran merentas negeri dan aktiviti berkaitan pelancongan.

Dalam kegembiraan itu, beberapa selebriti popular berharap masyarakat akan terus patuh pada prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

Bagi mereka, kebebasan yang diberikan bukanlah alasan untuk tidak terus mematuhi SOP yang kini menjadi norma baharu dalam kehidupan sehari-hari.

Bagi penyanyi lagu *Pedas*, **Wany Hasrita**,

dia mahu semua orang gunakan peluang diberikan dengan sebaik mungkin.

"Apabila boleh rentas negeri, ayuh sama-sama gunakan peluang ini sebaik yang mungkin. Jangan terlalu gembira sampai lupa SOP."

"Nasihat saya, ambil langkah penjagaan sendiri sebelum pulang ke kampung dengan buat 'self test kit' dulu di rumah. Perlu diakui kita harus hidup bersama virus ini, jadi sentiasa peka, jaga diri dan jaga SOP," katanya yang juga pernah popular dengan lagu *Menahan Rindu*.

Naim Daniel

Sementara itu, penyanyi **Naim Daniel** melahirkan rasa gembira apabila kebenaran rentas negeri membolehkan rakyat menjana ekonomi seperti biasa.

"Sejujurnya, saya gembira namun dalam masa sama tetap risau. Saya percaya dalam media sosial semua bercakap tentang rentas negeri.

"Apa-pun saya harap semua orang jangan kelam kabut."

"Saya tahu apabila kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan kena duduk rumah, perkara ini membuat ramai berada dalam tekanan selain tidak boleh berjumpa ibu bapa dan keluarga di kampung."

"Apa pun sekarang ini terpulang pada kita. Kena

pastikan jangan sia-siakan peluang ini. Kalau ada yang nak masih cuba langgar SOP kena fikir."

"Kita kena cuba tingkatkan semula ekonomi balik selepas hampir semua sektor dibenarkan beroperasi. Jadi, jangan ambil kesempatan pada peluang ini," ujar pelantun lagu *Purnama*.

Bersetuju dengan Wany dan Naim, penyanyi **Khai Bahar** juga berharap orang ramai akan terus patuh pada SOP.

"Patuhilah SOP. Malah, untuk keselamatan semua terutama ibu bapa dan keluarga yang kita nak jumpa, buat 'self test kit' terlebih dahulu."

"Sebab kita tidak tahu keadaan kesihatan macam mana. Jadi jangan terlalu gembira sehingga lupa apa yang patut diamalkan dalam mengekang wabak COVID-19," jelasnya. **WK**

KHAI
BAHAR

